A

**MOHD KHIR TOYO**

**lwn.**

**PP**

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ABU SAMAH NORDIN HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
AZIAH ALI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-355-12-2011]

C

20 JUN 2013

***PERKATAAN & FRASA:*** *'Penjawat awam' - Makna - Kanun Keseksaan, s. 165*

D

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rasuah - Sabitan ke atas bekas Menteri Besar Selangor - Tuduhan menerima rasuah - Kesalahan serius - Faktor pemberatan dalam menjatuhkan hukuman - Hukuman penjara 12 bulan dan perlucuthakan harta hasil rasuah*

E

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pertuduhan - Kesilapan atau ketinggalan dalam pertuduhan - Pertuduhan rasuah - Pertuduhan menyatakan kapasiti perayu sebagai 'Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor' - Teras kes pendakwaan berkaitan dengan kapasiti perayu sebagai Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor - Sama ada perayu terkeliru - Sama ada timbul salah laksana keadilan terhadap perayu - Sama ada*

F

*boleh dipulihkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Saksi - Kebolehpercayaan - Sama ada saksi merupakan rakan sejenayah - Saksi terpaksa terlibat dalam memberi rasuah - Sama ada saksi secara sukarela melakukan jenayah - Sama*

G

*ada keterangan saksi boleh diterima - Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 44*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 36 - Pelucuthakan hartanah yang diperolehi secara rasuah - Sama ada perlucuthakan betul - Akta Pencegahan Rasuah 1997, ss. 2,*

H

*36(1)*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 165 - Penjawat awam - Makna - Sama ada Menteri Besar Selangor seorang penjawat awam - Sama ada Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri*

I

*Selangor seorang penjawat awam*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 165 - Penjawat awam dituduh memperolehi hartanah dengan balasan yang diketahui tidak mencukupi - Perayu memegang jawatan Menteri Besar Selangor - Sama ada kedudukan disalahgunakan - Sama ada balasan menurut harga pasaran - Sama ada penjual mempunyai kepentingan perniagaan dengan tugas rasmi tertuduh - Sama ada intipati pertuduhan dibuktikan - Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah*

Perayu telah dituduh dan dibicarakan bagi satu kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan ('Kanun') kerana dikatakan sebagai penjawat awam, telah mendapat suatu barangan berharga daripada Ditamas Sdn Bhd ('Ditamas') melalui Shamsudin bin Hayroni ('SP2') dengan suatu balasan yang perayu ketahui tidak mencukupi, yang mana perayu ketahui bahawa SP2 mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi beliau. Barangan berharga yang didakwa adalah dua lot tanah dan sebuah rumah ('hartanah tersebut') yang telah dibeli oleh perayu daripada Ditamas dengan harga RM3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas dengan harga RM6.5 juta. Menurut SP2, dia telah mengenali perayu sejak pelantikan perayu sebagai Menteri Besar Selangor pada tahun 2000 lagi. Selepas dari itu, SP2 sering melakukan urusan rasmi dan berjumpa dengan perayu memandangkan SP2 melalui Syarikat Roniaga Sdn Bhd mempunyai projek usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ('PKNS') di mana perayu adalah Pengerusi dan merupakan salah seorang ahli lembaga pengarahnya sejak tahun 2000. SP2, melalui Syarikat Bidara Lumayan Sdn Bhd, juga mempunyai urusan dan projek usahasama dengan Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad ('PNSB') di mana perayu juga adalah Pengerusi dan salah seorang ahli lembaga pengarahnya. Menurut SP2, perayu telah menyatakan hasrat beliau untuk membeli hartanah tersebut daripada SP2 pada harga RM3.5 juta. Pada awal perbincangan SP2 meminta harga jualan daripada RM5 juta kepada RM5.5 juta. Namun begitu, hartanah tersebut akhirnya dijual kepada perayu dengan harga yang diminta perayu sendiri iaitu RM3.5 juta sahaja kerana SP2 bimbang perniagaannya di Selangor akan terjejas sekiranya permintaan perayu tidak dilayani. Yang arif hakim bicara telah mendapati perayu bersalah dan telah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap perayu dan memerintahkan hartanah tersebut dilucuthak kepada kerajaan setakat mana hak perayu

terhadapnya. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman atas alasan: (i) sama ada perayu seorang penjawat awam. Pertuduhan menyatakan kapasiti perayu sebagai 'Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor' sewaktu beliau dikatakan melakukan kesalahan tersebut. Namun begitu, teras kes pihak pendakwaan adalah berkaitan dengan kerja-kerja rasmi perayu sebagai seorang penjawat awam yang pada ketika itu juga memegang jawatan Pengerusi dan ahli lembaga PKNS selain daripada menjawat jawatan Menteri Besar Selangor; (ii) sama ada balasan RM3.5 juta yang diberi bagi hartanah tersebut tidak mencukupi; (iii) sama ada perayu sebagai penjawat awam mempunyai hubungan rasmi dengan SP2 dan sama ada perayu mengetahui SP2 mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi beliau; (iv) sama ada SP2 seorang rakan sejenayah; (v) sama ada pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan; dan (vi) hukuman.

**Diputuskan (menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman)**

**Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

**(1)** PKNS adalah sebuah badan berkanun yang menjalankan kerja-kerja yang berkait rapat dengan pemerintahan atau fungsi eksekutif Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan perenggan (i) s. 21 Kanun, perayu dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi PKNS yang bertanggungjawab untuk memajukan kawasan-kawasan perumahan, perindustrian dan komersial dalam Negeri Selangor, adalah seorang penjawat awam bagi maksud s. 165 Kanun; *PP v. Phee Joo Teik* (dirujuk). (perenggan 39)

**(2)** Perayu tidak terkeliru disebabkan kesilapan atau ketinggalan dalam pertuduhan kerana teras atau hala tuju kes pendakwaan memfokuskan pada kerja-kerja rasmi perayu sebagai seorang penjawat awam sewaktu memegang jawatan Pengerusi PKNS selain menjawat jawatan Menteri Besar pada masa yang sama. Perayu mengetahui beliau adalah Pengerusi PKNS yang pernah berurusan dengan SP2. Kesilapan atau ketinggalan pada pertuduhan tersebut tidak menimbulkan sebarang salah laksana keadilan terhadap perayu dan boleh dipulihkan dan diperbetulkan di bawah peruntukan s. 422 Kanun Prosedur Jenayah. (perenggan 56)

**(3)** Antara intipati penting bagi kesalahan s. 165 Kanun adalah balasan yang tidak mencukupi. Berpandukan tindak-tanduk dan perbuatan perayu pada masa material, satu inferens yang kuat dan munasabah berbangkit bahawa perayu sedar dan mengetahui hartanah yang beliau dan isterinya beli dengan harga RM3.5 juta adalah merupakan satu balasan yang tidak mencukupi. (perenggan 67)

**(4)** SP2 bukan rakan sejenayah dalam kes ini kerana dia tiada pilihan melainkan mengambil tindakan menjual pada harga sedemikian kerana bimbangkan perniagaannya terjejas. Oleh itu, dia bukanlah seorang yang melakukan jenayah secara sukarela. Berdasarkan s. 44 Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR'), SP2 tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana penglibatannya dalam perlakuan kesalahan ini atau pengetahuannya tentang perlakuan kesalahan ini; *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* (dirujuk); *PP v. Dato Hj Azman Mahalan* (dirujuk); *Raman Mariappan v. PP* (dirujuk). (perenggan 86)

**(5)** Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Pada keseluruhannya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu. (perenggan 104)

**(6)** Kesalahan yang dilakukan oleh perayu merupakan satu kesalahan yang serius. Kedudukan perayu sebagai Menteri Besar Negeri Selangor yang juga pada masa yang sama merupakan Pengerusi dan ahli lembaga pengarah PKNS seharusnya memberi contoh kepada orang ramai atau rakyat. Tiada hal keadaan yang boleh meringankan sewaktu perayu melakukan kesalahan ini. Kedudukan perayu semasa melakukan kesalahan merupakan faktor pemberatan dalam menjatuhkan hukuman. (perenggan 114)

**(7)** Peruntukan s. 36(1) APR terpakai dalam kes ini kerana s. 165 Kanun adalah kesalahan yang tersenarai sebagai 'kesalahan ditetapkan' di bawah s. 2 APR. Keputusan YA hakim bicara berkenaan perlucuthakan terhadap hartanah tersebut adalah betul dan sejajar dengan peruntukan APR. (perenggan 111)

***English*** *Translation Of Headnotes*

The appellant was charged and tried for an offence under s. 165 of the Penal Code ('the Code') on the allegation that in his capacity as a public servant, he had obtained valuable goods from Ditamas Sdn Bhd ('Ditamas') through one Shamsuddin bin Hayroni ('SP2') with a consideration which the appellant knew was insufficient, and while knowing that SP2 was associated with his official works. The alleged valuable goods were two lots of land and a house ('the properties'), which were purchased by the appellant from Ditamas at the price of RM3.5 million when the properties were purchased by Ditamas at the price of RM6.5 million. According to SP2, he knew the appellant since the appellant's appointment as the Chief Minister of Selangor in 2000. Subsequent to that, SP2 often carried out official dealings and met the appellant as SP2, through one Syarikat Roniaga Sdn Bhd had a joint venture with the Selangor State Development Corporation ('PKNS') where the appellant was the Chairman and a member of its Board of Directors since 2000. SP2 also, through the company Syarikat Bidara Lumayan Sdn Bhd had dealings and projects in collaboration with Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad ('PNSB') where the appellant was also the Chairman and a member of the Board of Directors. According to SP2, the appellant had expressed his desire to purchase the properties at a price of RM3.5 million. In early discussions, SP2 asked for a sales price of RM5 million to RM5.5 million. However, the property was eventually sold to the appellant at the price of RM3.5 million as requested by the appellant because SP2 was worried that his business in Selangor would be affected if the appellant's request was not entertained. The learned trial judge found the appellant guilty and sentenced him to 12 months imprisonment and ordered the property to be forfeited to the extent of the appellant's right to the same. The appellant appealed against the conviction and sentence on the grounds of: (i) whether the appellant was a civil servant. The charge read the appellant's capacity as 'Minister of the State Government of Selangor' when he was alleged to have committed the offence in question. However, the core of the prosecution's case was related to the appellant's official function as a civil servant who was also the Chairman and the member of the PKNS' Board of Directors apart from the position as the Chief Minister of Selangor; (ii) whether the consideration of

RM3.5 million granted for the property was insufficient; (iii) whether the appellant, as a public servant, had official relations with SP2 and whether the appellant knew SP2 had a connection to his official work; (iv) whether SP2 was an accomplice; (v) whether the appellant's defence raised a reasonable doubt on the prosecution's case; and (vi) the sentence.

**Held (dismissing appeal and upholding conviction and sentence)**

**Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:**

**(1)** PKNS was a statutory body that carried out the work associated with the ruling or executive functions of the Selangor State Government. Based on para (i) to s. 21 of the Code, the appellant in his capacity as the Chairman of PKNS, responsible for developing residential areas, industrial and commercial development in the State of Selangor, was a civil servant for the purposes of s. 165 of the Code; *PP v. Phee Joo Teik* (refd).

**(2)** The appellant was not confused due to errors or omissions in the charge as the core or the direction of the prosecution's case was focused on the appellant's official work as a civil servant during his tenure as the Chairman of PKNS besides holding the position of the Chief Minister at the same time. The appellant knew that he was the Chairman of PKNS who dealt with SP2. Errors or omissions in the charge did not cause a miscarriage of justice against the appellant and could be restored and corrected under the provisions of s. 422 of the Criminal Procedure Code.

**(3)** The essence of the offence under s. 165 of the Code was inadequate consideration. Based on the actions and acts of the appellant at the material time, a strong and reasonable inference arose that the appellant was aware and knew that the property which he and his wife bought at the price of RM3.5 million was an inadequate consideration.

**(4)** SP2 was not an accomplice in this case as he had no choice but to take action to sell at such prices for fear that his business would be affected. Therefore, he was not a willing participant of the crime. Based on s. 44 of the Anti-Corruption Act 1997 ('ACA'), SP2 could not be regarded as

A an accomplice because of his mere involvement in the commission of the offence or knowledge of the commission of the offence; *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* (refd); *PP v. Dato Hj Azman Mahalan* (refd); *Raman Mariappan v. PP* (refd).

B **(5)** There was no reasonable doubt that arose with regard to the culpability of the appellant in this case. As a whole, the prosecution had proved the charge against the appellant beyond reasonable doubt.

C **(6)** The offence committed by the appellant was a serious offence. The appellant being in the position of the Chief Minister of Selangor, as well as the Chairman and member of the Board of Directors of PKNS ought to have set an example to the public. There were no mitigating circumstances at the time when the appellant committed the offence. The appellant's D position during the commission of the offence was an aggravating factor in the sentencing.

**(7)** The provisions of s. 36(1) of the ACA was applicable in this case as s. 165 of the Code is listed as "prescribed offences" E under s. 2 of the ACA. The decision of the trial judge on the forfeiture of the property was correct and consistent with the provisions in the ACA.

**Kes-kes yang dirujuk:**

F *Ahmad Najib Aris v. PP [2009] 2 CLJ 800 FC* ***(dirujuk)***
*Arumugam Pillai v. Government of Malaysia [1975] 1 LNS 2 FC* ***(dirujuk)***
*Attan Abdul Gani v. PP [1969] 1 LNS 12 HC* ***(dirujuk)***
*Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC* ***(dirujuk)***
*Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC* ***(dirujuk)***
*Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA* ***(dirujuk)***
G *Khoo Hi Chiang v. PP and Another Case [1994] 2 CLJ 151 SC* ***(dirujuk)***
*Mohamed Jusoh Abdullah and Another v. PP [1947] 1 LNS 66 HC* ***(dirujuk)***
*Mohamed Taufik v. PP [1974] 1 LNS 95 HC* ***(dirujuk)***
*Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. PP [2011] 5 CLJ 369 CA* ***(dirujuk)***
H *New Tuck Shen v. PP [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606 HC* ***(dirujuk)***
*Ng Kok Lian & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293 FC* ***(dirujuk)***
*Pie Chin v. PP [1983] 1 CLJ 316; [1983] CLJ (Rep) 703 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC* ***(dirujuk)***
*PP v. Dato' Hj Azman Mahalan [2010] 6 CLJ 34 CA* ***(dirujuk)***
I *PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No. 2) [1976] 1 LNS 184 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3) [1999] 2 CLJ 215 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Phee Joo Teik [1961] 1 LNS 94 HC* ***(dirujuk)***
*R v. Baskerville [1916] 2 KB 658* ***(dirujuk)***
*Raman Mariappen v. PP [2011] 1 CLJ 739 HC* ***(dirujuk)***
*Teng Howe Sing v. PP [2008] 5 CLJ 186 CA* ***(dirujuk)***
*Tunde Apatira & Ors v. PP [2001] 1 CLJ 381 FC* ***(dirujuk)***
*Yap Sing Hock & Anor v. PP [1992] 4 CLJ 1950; [1992] 1 CLJ (Rep) 356 SC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Anti-Corruption Act 1997, ss. 2, 36(1), 44, 56
Courts of Judicature Act 1964, s. 60(1)
Criminal Procedure Code, ss. 156, 422
Federal Constitution, arts. 8, 13
Penal Code, ss. 17, 21, 161, 165
Selangor State Development Corporation Enactment 1964, ss. 2, 3, 4(1), 9(3), 11, 12, 13

**Sumber-sumber yang dirujuk:**
*Archbold, Criminal Pleading, Evidence and Practice*, 2011 edn, p 1075
*Black Laws Dictionary*, 8th edn, p 326
BN Banerjee, *Law of Criminal Appeals, Revisions, Reference and Review (With Model Forms)*, 6th edn, pp 584, 585
Dr Hj Hamid Sultan bin Abu Backer, *Janab's Key to Criminal Procedure and Evidence*, 2nd edn, p 424
Dr Sir Hari Singh Gour, *The Penal Law of India*, 10th edn, p 1451
*NS Bindhra, Interpretation of Statutes*, 10th edn, pp 121, 122, 124, 125
*Mallal's Penal Law*, 2002 edn, p 261
*Ratanlal & Dhirajlal's, Law of Crimes*, 24th edn, p 685
Sohoni, *Criminal Referencer,* vol 2, 2nd edn, p 2476
*The Annotated Statutes of Malaysia Desk Edition Volume 7 Criminal Law and Procedure,* 2001, p 441

*Bagi pihak perayu - Muhammad Shafee Abdullah (M Athimulan, Kamarul Hisham Kamaruddin, Jahaberdeen Mohd Yunus, Adzly Manas, Badrul Munir Bukhari, Sarah Abishegam & Lim Kon Keen bersamanya); T/n Athimulan & Co*
*Bagi pihak responden - Abdul Wahab Mohamed (Masri Mohd Daud, Mohd Dusuki Mokhtar & Choo Hueay Ting bersamanya); TPR*

*[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP v. Dato' Seri Mohd Khir Toyo [2012] 3 CLJ 885.]*

*Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

A

## PENGHAKIMAN

**Azahar Mohamed HMR:**

**[1]** Dato' Seri Mohd Khir bin Toyo (perayu) telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi satu kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan (Kanun) kerana dikatakan sebagai penjawat awam pada masa yang berkenaan telah mendapat suatu barangan berharga daripada Ditamas Sdn Bhd melalui Shamsudin bin Hayroni dengan suatu balasan yang perayu ketahui tidak mencukupi, yang mana perayu mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi beliau. Butir-butir terperinci pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Mei 2007 di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, Shah Alam, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mendapat untuk diri kamu dan isteri kamu, Zahrah binti Kechik (650216-08-5432), suatu barang yang berharga dengan suatu balasan yang kamu ketahui tidak mencukupi iaitu dua lot tanah dan sebuah rumah yang terletak di alamat No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, daripada Ditamas Sdn Bhd melalui Shamsudin bin Hayroni, Pengarah Ditamas Sdn Bhd, dengan harga RM3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas Sdn Bhd pada Disember 2004 dengan harga RM6.5 juta, yang mana kamu mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

**[2]** Sewaktu perbicaraan, pihak pendakwaan telah memanggil seramai 25 orang saksi, sementara pihak pembelaan telah mengemukakan lima orang saksi termasuk perayu sendiri. Di akhir perbicaraan, YA hakim bicara mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang berkenaan. Selanjutnya, YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap perayu dan memerintahkan hartanah yang berkenaan dilucuthak kepada kerajaan setakat mana hak perayu terhadapnya. Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

**[3]** Untuk menghayati isu-isu yang berbangkit dalam rayuan ini, di peringkat ini, kami akan bincangkan terlebih dahulu undang-undang yang berkaitan. Seksyen 165 Kanun memperuntukkan seperti berikut:

> Whoever, being a public servant accepts or obtains, or agrees to accept or attempts to obtain, for himself or for any other person, any valuable thing, without consideration, or for a consideration which he knows to be inadequate, from any person whom he knows to have been, or to be, or to be likely to be concerned in any proceeding or business transacted, or about to be transacted, by such public servant, or having any connection with the official functions of himself or of any public servant to whom he is subordinate, or from any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years, or with fine, or with both.

**[4]** Setakat mana ianya berkaitan dengan kes ini, s. 165 Kanun menyatakan bahawa barang siapa, yang menjadi penjawat awam menerima sesuatu benda yang berharga dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui ada mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya, melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

**[5]** Sepertimana yang dinyatakan oleh *Mallal's Penal Law*, 2002 edn. di ms. 261, intipati kesalahan penjawat awam menerima suatu barangan yang berharga di bawah s. 165 Kanun adalah seperti berikut:

(a) The accused was a public servant.

(b) The accused accepted or obtained, or agreed to accept, or attempted to obtain, for himself or for someone else, a valuable thing.

(c) The accused gave no consideration for it, or gave a consideration which he knew to be inadequate.

(d) The person from whom the accused accepted, etc, the valuable thing was known to the accused to have been, or to be, or to be likely to be, concerned in a proceeding or business transacted or about to be transacted by himself, or which had a connection with the official functions of himself, or a public servant to whom the accused was subordinate or from a person known to the accused to be interested in, or related to, the person so concerned.

**[6]** Menurut *Mallal's Penal Law*, skop peruntukan ini adalah seperti berikut:

> This section is directed against the taking or receiving of valuable gifts. The taking of presents by public servants, when it cannot be proved that such presents were corruptly taken, is rendered penal by this section. Under section 161 of the Code, the gratification is taken as a motive or reward for doing or for bearing to do an official act, whereas under this section the question of motive or reward is not material as the section prohibits the taking of a thing without consideration from a person having any connection with the official functions of the public servant. The principle behind this section is to prevent public servants from circumventing the prohibition against taking or receiving gratification by taking or receiving valuable gifts instead.

**[7]** Sohoni's *Criminal Referencer* vol. 2 (2nd edn.) di ms. 2476 pula menyatakan:

> Section 165 does not require taking of gratification as a motive or reward for any specific official action, favour or service but strikes at obtaining by a public servant of any valuable thing without consideration or for a consideration which he knows to be inadequate from my person whom he knows to have been or to be or likely to be concerned in any proceeding or business or about to be transacted by such public servant or having any connection with the official functions of himself or of any public servant whom he is subordinate or from whom any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned.

## Kes Pihak Pendakwaan

**[8]** Berdasarkan keterangan kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh YA hakim bicara, intipati kes pihak pendakwaan boleh diringkaskan seperti berikut. Kes pendakwaan terhadap perayu berkisar mengenai dua lot tanah dan sebuah rumah yang terletak di alamat No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan (selepas daripada ini disebut 'hartanah yang berkenaan'). Mengikut laporan penilaian (D58) yang dapat dilihat di ms. 1089 Jilid 11 sehingga ms. 1110 Jilid 12 Rekod Rayuan, antara butir-butir hartanah yang berkenaan adalah seperti berikut:

> The subject property being valued is a 2-storey detached house which is under renovation and extension. It bears postal address Lot No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Leasehold for 99 years expiring on

19.3.2086. Title Nos. H.S.(D) 22904 & H.S.(D) 22905. P.T. Nos. 62 & 65, Section 7, Town of Shah Alam, District of Petaling, State of Selangor. A

Provisional Land Area: P.T. 62 - 2,953.6626 sq. metres (31,794 sq. feet) and P.T. 65 - 1,897.6683 sq. metres (20,427 sq. feet). B

The subject site, identified as P.T. No. 62 & 65, Section 7, Town of Shah Alam, District of Petaling, State of Selangor, comprises 2 contiguous plots of residential land.

The subject site (P.T. No. 62) is improved with a swimming pool, drains, concrete staircases, a pond and retaining walls. The subject site is erected upon with a 2-storey detached house, gazebo and a car porch. C

Erected on P.T. No. 65 were a car porch, gazebo and a garden/ landscape area. D

The subject property is located at the *cul-de-sac* of Jalan Suasa 7/11, within the residential area of Section 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Immediate surrounding properties comprise an individual design detached houses, vacant bungalow land, 'Istana Mestika', official residence of Secretarial State of Selangor and Menteri Besar Selangor. E

Other developments within section 7, include INTEKMA resort and convention centre, condominium, apartments, low cost flat, terrace houses, detached houses, semi-detached houses, INSPEN building, UNISEL building, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, schools, petrol station, government clinic and shop office/apartments. F

Prominent landmarks located within sections nearby include Universiti Teknologi MARA, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK Building), Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Taman Botani, Selangor Police Head Office Plaza Masalam, Concorde Hotel and Shah Alam Mall. G

**[9]** Salah seorang saksi penting pihak pendakwaan adalah Dato' Shamsudin bin Hayroni (SP2). Beliau mula mengenali perayu semenjak perayu dilantik sebagai Menteri Besar Selangor pada tahun 2000 lagi. Selepas dari itu, SP2 sering melakukan urusan rasmi dan berjumpa dengan perayu memandangkan SP2 melalui Syarikat Roniaga Sdn Bhd mempunyai projek usahasama dengan H I

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di mana perayu adalah Pengerusi dan merupakan salah seorang ahli lembaga pengarahnya sejak tahun 2000. SP2 juga melalui Syarikat Bidara Lumayan Sdn Bhd juga mempunyai urusan dan projek usahasama dengan Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) di mana perayu juga adalah Pengerusi dan salah seorang ahli lembaga pengarahnya.

**[10]** Pada awal tahun 2004, SP2 telah diperkenalkan oleh seorang yang bernama Dato' Sumadi kepada seorang yang bernama Saiful Aznir bin Shahabudin (SP1). SP1 adalah pemilik asal hartanah yang berkenaan. Pada masa yang material, SP1 ingin menjual hartanah yang berkenaan. Dato' Sumadi membantu SP1 untuk menjual hartanah tersebut. Menurut SP1, Dato' Sumadi ada membawa perayu dan isterinya menemuinya pada September 2004. Keterangan SP1 mengenai pertemuannya dengan perayu adalah seperti berikut:

> Semasa perbincangan dengan Dr. Khir Toyo melibatkan perbincangan yang sangat ringkas. Mereka berada di luar rumah, mereka berada lebih kurang 10-15 minit. OKT tanya berapa saya nak jual, dan saya kata 7 juta. Kemudian dia kata terlalu mahal sebelum mereka tinggalkan rumah saya.

**[11]** Kemudian SP1 telah menemui SP2 untuk berbincang mengenai pembelian hartanah tersebut oleh SP2. Menurut SP2, satu perjumpaan dan perbincangan awal di antara perayu, Dato' Sumadi dan SP2 berhubung penjualan rumah tersebut telah berlaku pada tahun 2004. Hasil perbincangan awal ini berkesudahan dengan SP2 membeli hartanah tersebut. Pada peringkat awal, harga yang diminta oleh SP1 adalah RM7 juta. Selepas dari ini berlaku perundingan harga antara SP2 dan SP1, dan harga dipersetujui bersama akhirnya adalah RM6.5 juta dan ini dipersetujui oleh perayu. SP2 meneruskan proses pembelian dengan menandatangani tiga perjanjian jual beli yang ditandatangani pada 23 Disember 2004 antara SP1 sebagai penjual, manakala Syarikat Ditamas Sdn Bhd sebagai pembelinya. SP2 adalah pengarah di dalam Syarikat Ditamas Sdn Bhd. Proses pembayaran dan pindah milik telah diuruskan oleh seorang peguam yang bernama Ragunath Kesavan (SP4) yang mewakili penjual iaitu SP1, manakala peguam bernama Doris Getrude Meyappen (SP5) mewakili pembeli iaitu Ditamas Sdn Bhd. Terdapat tiga perjanjian bertulis telah

ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Perjanjian yang ditanda sebagai P4 adalah berkaitan penjualan sebuah rumah banglo dua tingkat di atas tanah geran H.S.(D) 22904 P.T. 62 Seksyen 7 Shah Alam seluas 31,794 kaki persegi dengan harga RM4.3 juta. Perjanjian yang ditanda sebagai P5 adalah berkaitan penjualan sebidang tanah di H.S.(D) 22905 P.T. 65 Seksyen 7, Shah Alam seluas hampir 20,427 kaki persegi dengan harga RM700,000. Manakala perjanjian yang ditanda P6 adalah tentang penjualan dan "fixtures and fittings" dengan harga RM1.5 juta.

**[12]** Setelah rumah tersebut dipindah milik kepada Syarikat Ditamas Sdn Bhd, pada awal tahun 2006 perayu melahirkan hasrat untuk mengubah suai rumah tersebut kerana tertarik dengan pengubahsuaian konsep 'Bali' yang dilakukan di rumah Setiausaha Politik beliau bernama Dato' Karim. Fakta yang harus ditekankan di sini adalah pada masa perayu melahirkan hasratnya ini, pemilik hartanah tersebut adalah Syarikat Ditamas Sdn Bhd. Selanjutnya, perayu telah diperkenalkan dan dipertemukan oleh Dato' Karim kepada seorang kontraktor yang bernama Nasir bin Ismail (SP3) yang bertanggungjawab terhadap pengubahsuaian rumah Dato' Karim. Keterangan SP2 mengenai pengubahsuaian rumah tersebut adalah seperti berikut:

> Pada masa kejadian, Dato' Karim adalah Setiausaha Politik Y.A.B. Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Muhammad Khir bin Toyo.
>
> Pada masa itu, SP3 diperkenalkan kepada saya adalah untuk tujuan renovation. Dalam perbincangan bersama saya, OKT, Dato' Karim, dan isteri OKT dan SP3, OKT nakkan SP3 sebagai kontraktor renovation rumah tersebut. Saya difahamkan SP3 boleh buat Bali style dan telah buat rumah Dato' Karim.
>
> Hakikatnya, OKT yang melantik SP3 sebagai orang yang bertanggungjawab untuk buat renovation. Perbincangan berlaku agak lama. Banyak point-point yang dibangkitkan oleh OKT dan isteri untuk mencantikkan rumah tersebut.
>
> Saya pun suka, seorang Menteri Besar melantik seorang kontraktor untuk tujuan renovation tersebut dan saya menerimanya.
>
> Ada perjumpaan lain antara detail construction, planning and design. Planning oleh OKT dan SP3 bagaimana bentuk rumah yang diinginkan. Pada ingatan saya, bayaran terakhir pada bulan

A 8, 2005 pengubahsuaian berlaku pertengahan tahun 2006. Pembinaan menggantikan atap, gazebo, perluasan rumah, lantai dan pagar rumah antara pengubahsuaian yang dilakukan. Saya pernah melawat tapak pengubahsuaian. Selain saya, semasa pembinaan OKT dan isteri ada hadir melawat semasa pembinaan dijalankan. Selain SP3, secara pastinya pekerja dia yang terlibat yang begitu
B banyak termasuk nama Wan.

Keputusan pengubahsuaian dilakukan oleh OKT kerana beliau berminat terhadap rumah tersebut dan saya hanya penama sahaja walaupun saya adalah pemilik banglo tersebut.

C **[13]** Nasir bin Ismail (SP3) adalah merupakan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian rumah tersebut. Pada awalnya, SP3 beranggapan rumah tersebut adalah milik perayu kerana perayu yang lebih banyak bercakap berhubung
D pengubahsuaian rumah tersebut berbanding yang lain dan beliau sendiri dilantik oleh perayu sebagai kontraktor malahan mengarah SP3 untuk berurus dengan SP2 sekiranya timbul sebarang masalah. Keterangan SP3 mengenai penglibatan perayu berkaitan hartanah tersebut sejak awal tahun 2006 lagi adalah seperti berikut:

E Pada Mac 2006, Dato' Karim suruh saya pergi ke Shah Alam di alamat No 8, Jalan Suasa untuk ke rumah Dato' Seri Khir Toyo.

Saya ada pergi ke rumah Dato' Seri. Saya ke sana seorang diri pada waktu tengah hari. Sampai di rumah tersebut, saya bertemu
F dengan Dato' Seri Khir Toyo, isterinya Datin Seri Zaharah, Dato' Shamsudin dan Dato' Karim.

Perjumpaan berlaku di pintu masuk utama rumah itu iaitu rumah banglo. Semasa saya di rumah itu, saya diperkenalkan oleh Dato' Karim kepada OKT untuk OKT ubah rumah No. 8 dia mengikut
G konsep Bali. Okt yang maklumkan sendiri. Dia suruh ubah taman sekali.

Dia tanya berapa jangka boleh siap. Saya tiada pengetahuan dalam bidang kontraktor dan saya maklumkan dalam 1-2 tahun. Pasal kos tak tanya sebab plan tak buat lagi kerana itu merupakan
H perjumpaan pertama.

Perjumpaan tersebut lebih kurang 3 jam dalam keadaan kadang-kadang berdiri atau duduk dipangkinnya. Pada masa tersebut, rumah tersebut kosong.

I

Sebelum masuk, saya tak ingat sama ada pintu pagarnya berkunci atau tidak. Dalam perjumpaan tersebut, yang paling banyak bercakap adalah OKT dan isteri. Dato' Shamsudin ada bercakap tetapi saya tak berapa ingat apa yang dia cakapkan.

Pada perjumpaan pertama, impresi saya rumah tersebut adalah rumah OKT. Selepas itu, Dato' Shamsudin kata itu rumah syarikatnya. Impresi awalnya saya katakan itu rumah OKT kerana OKT dan isteri yang banyak bercakap.

**[14]** Tidak berapa lama selepas itu, persetujuan lisan dicapai antara SP3 dan perayu untuk pengubahsuaian rumah tersebut, di mana pembayaran akan dibuat dari masa ke semasa dan sekiranya sebarang masalah berbangkit, SP3 diarah untuk merujuk kepada SP2. Selanjutnya wang pendahuluan sebanyak RM250,000 telah dibayar oleh perayu sendiri secara tunai kepada SP3 untuk memulakan pengubahsuaian tersebut. Pembayaran tunai ini dibuat di kediaman rasmi perayu pada sekitar Mac/April 2006.

**[15]** Langkah awal yang diambil oleh SP3 adalah mengemukakan pelan ubah suai (P16 (1-6)) yang dilukis oleh Noorizwandy bin Rajab (SP19) iaitu penyelia projek ini kepada Majlis Bandaraya Shah Alam untuk mendapatkan kelulusan bagi memulakan projek berkenaan dan seterusnya SP3 telah pergi ke Indonesia untuk membeli bahan binaan projek tersebut.

**[16]** Kemudian sesuatu yang penting telah berlaku yang menjadi satu asas penting kes pihak pendakwaan terhadap perayu. Ketika projek ubah suai sedang berjalan, perayu telah menyatakan hasrat beliau untuk membeli hartanah tersebut dari SP2. Harga yang disebut oleh perayu adalah RM3.5 juta. Pada awal perbincangan SP2 meminta harga jualan RM5 juta ke RM5.5 juta. Setelah SP2 berunding dengan isterinya, hartanah tersebut akhirnya dijual kepada perayu dengan harga yang diminta perayu sendiri iaitu RM3.5 juta sahaja kerana beliau bimbang perniagaannya di Selangor akan terjejas sekiranya permintaan perayu tidak dilayani. Keterangan SP2 mengenai peristiwa ini adalah seperti berikut:

Telah berlaku pindah milik kepada OKT dan isteri bagi hartanah tersebut. Perbincangan telah berlaku antara saya dan OKT berhubung jualan dan pindah milik. Dia mohon penjualan 3.5 juta. Saya tidak setuju kerana terlalu rendah dan saya katakan 5 - 5.5 juta.

A Perkara ini berlaku ketika renovation dibuat, tetapi tarikh tepat saya kurang pasti tetapi yang pasti sebelum S & P ditandatangani. Saya tidak bersetuju dengan harga 3.5 juta dan hanya 5 - 5.5 juta kerana ingin beri potongan sedikit mengambil kira harga tanah dan kos renovation saya.

B OKT ada maklumkan bahawa dia hanya boleh beli dengan harga 3.5 juta dan itulah kelayakan yang dia boleh beli.

Setelah berbincang dengan isteri saya memandangkan kami ada Syarikat di Selangor dan seorang Menteri Besar inginkan rumah dengan harga 3.5 juta, kami setuju kerana takut kedudukan saya C sebagai businessman di Selangor tergugat. Saya ada lantik ejen penilai hartanah.

**[17]** Akhirnya, satu perjanjian jual beli bertarikh 29 Mei 2007 (P25) telah ditandatangani di antara perayu bersama isterinya dan D Syarikat Ditamas Sdn Bhd di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor, Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, Shah Alam bagi pindah milik hartanah tersebut. Wang pendahuluan RM500,000 telah dibayar kepada SP2 secara tunai oleh perayu, manakala bakinya RM3 juta telah dibayar melalui pembiayaan pinjaman yang E diperolehi oleh perayu dari Bank HSBC. Pembayaran RM3 juta ini telah dimasukkan ke dalam akaun Syarikat Ditamas Sdn Bhd melalui cek Bank OCBC (P27).

## Pembelaan Perayu Di Mahkamah Tinggi

F **[18]** Setelah YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan memerintahkan perayu membela dirinya terhadap pertuduhan tersebut, perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Intipati keterangan perayu adalah seperti G berikut. Pada awal tahun 2004, perayu telah pergi ke rumah SP1 yang terletak di Shah Alam bersama Dato' Sumadi. Pada ketika ini perayu dimaklumkan oleh SP1 bahawa SP1 ingin menjual harta tersebut dengan harga RM7 juta. Memandangkan harga yang dinyatakan adalah terlalu mahal, maka perayu tidak berbincang H lanjut dan beredar dari rumah tersebut.

**[19]** Pada tahun 2007, dalam satu perjumpaan dengan kontraktor-kontraktor Selangor, perayu telah menyatakan hasrat untuk membina lot rumah di Bangi untuk keluarganya. Selepas itu I perayu berjumpa SP2 dan SP2 memberitahu perayu, beliau ingin menjual rumahnya kepada perayu dengan harga RM5 juta.

**[20]** Perayu telah pergi ke rumah SP2 pada jam 4 petang hari yang sama dan setibanya di rumah tersebut, perayu lihat keadaan rumah itu terdapat perbezaan dari segi struktur asas tanah dan mendapati rumah tersebut dalam peringkat pengubahsuaian. Perayu teringat bahawa rumah ini pernah didatangi beliau pada tahun 2004 dahulu bersama Dato' Sumadi.

**[21]** SP2 telah menawarkan kepada perayu untuk membeli hartanah tersebut dengan harga RM5 juta namun perayu memaklumkan bahawa biarlah harga ditentukan oleh mereka yang mahir atau profesional kerana rumah belum siap dan ini dipersetujui oleh SP2.

**[22]** Perayu selanjutnya telah menghubungi Bank HSBC untuk membantu beliau membuat penilaian harga semasa hartanah tersebut. Bagi tujuan ini, Bank HSBC telah melantik Rahim & Co untuk membuat penilaian ke atas hartanah tersebut. Pada 14 Mei 2007 penilaian dibuat dan pada keesokkan harinya perayu dimaklumkan oleh seorang pegawai Bank HSBC, Chuah Yew Tean (SP14) hasil penilaian hartanah tersebut dan perayu seterusnya memaklumkan kepada SP2 harga penilaian pasaran semasa hartanah tersebut adalah RM3.5 juta. SP2 dikatakan bersetuju dengan harga ini.

**[23]** Pada 16 Mei 2007, perayu membuat permohonan pinjaman untuk membeli hartanah tersebut setelah dikatakan SP2 bersetuju untuk menjual hartanah tersebut berdasarkan kepada harga pasaran semasa yang dinilai oleh Rahim & Co iaitu sebanyak RM3.5 juta.

**[24]** Seterusnya pada 25 Mei 2007, perjanjian jual beli (P25) ditandatangani di antara perayu dan Syarikat Ditamas Sdn Bhd selaku pemilik berdaftar harta tersebut bagi melengkapkan transaksi pembelian harta tersebut.

**[25]** Selepas perjanjian ditandatangani, perayu telah melantik SP3 sebagai kontraktor untuk meneruskan kerja-kerja pengubahsuaian rumah tersebut. Perlantikan SP3 oleh perayu ini dikatakan berlaku pada bulan Mei 2007. Bagi maksud ini, suatu perjanjian bertulis dibuat antara perayu dan SP3 iaitu dokumen D19 yang melibatkan kos perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM600,000. Sebanyak RM400,000 telah dijelaskan oleh perayu kepada SP3 dalam bentuk

A cek (D151 a-d) dan baki RM200,000 lagi tidak dijelaskan oleh perayu kepada SP3 kerana SP3 gagal menyiapkan rumah tersebut seperti dikehendaki, khususnya kerja-kerja elektrikal atau pendawaian. Akibat dari ini berlaku 'pergaduhan besar' antara perayu dan SP3 sehingga perayu menukar pagar rumah tersebut
B kepada 'power gate' bagi menghalang SP3 memasuki rumah tersebut dan mengambil keluar barang-barang dari rumah tersebut.

**Rayuan Perayu Di Mahkamah Rayuan**

C **[26]** Dalam petisyen rayuan, perayu telah mengemukakan 33 alasan rayuan. Sewaktu pendengaran rayuan ini, peguam-peguam perayu telah mengemukakan hujahan lisan yang panjang lebar dan di samping itu juga telah mengemukakan hujahan-hujahan bertulis bersekali dengan empat ikatan autoriti.

D **[27]** Kami telah meneliti petisyen rayuan perayu dan semua hujahan lisan dan bertulis perayu. Kami mendapati alasan-alasan yang terkandung dalam petisyen rayuan dan hujahan-hujahan berkenaan banyak yang bertindih-tindih. Walau bagaimanapun, kami perhatikan teras hujahan perayu adalah bahawa balasan
E RM3.5 juta itu mencukupi. Banyak masa dalam hujahan lisan tertumpu kepada isu ini. Malahan hujahan bertulis pihak perayu juga banyak menyentuh mengenainya.

**[28]** Pada keseluruhannya, alasan-alasan yang disandarkan oleh
F perayu boleh dibincangkan di bawah tujuh tajuk utama, iaitu:

(i) Sama ada perayu seorang penjawat awam.

(ii) Sama ada balasan RM3.5 juta yang diberi bagi hartanah yang menjadi hal perkara pertuduhan itu tidak mencukupi.

G

(iii) Sama ada perayu sebagai penjawat awam mempunyai hubungan rasmi dengan SP2 dan sama ada perayu mengetahui SP2 mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi beliau.

H (iv) Adakah SP2 seorang rakan sejenayah.

(v) Kredibiliti SP3.

(vi) Sama ada pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

I

(vii) Hukuman.

**[29]** Sekarang kami akan bincangkan satu-persatu alasan-alasan ini.

*Alasan (i): Sama Ada Perayu Seorang Penjawat Awam*

**[30]** Salah satu intipati kesalahan di bawah s. 165 Kanun yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah bahawa perayu merupakan seorang penjawat awam pada masa yang material. Peguam perayu telah berhujah bahawa perayu sebagai seorang Menteri Besar pada masa yang berkenaan tidak tergolong sebagai seorang penjawat awam. Menurut peguam, frasa 'penjawat awam' maknanya seseorang yang termasuk di bawah mana-mana satu daripada yang dinyatakan di bawah s. 21 Kanun seperti yang berikut:

21. "Public servant".

The words "Public Servant" denote a person falling under any of the descriptions hereinafter following:

First - (Repealed);

Second - Every Commissioned Officer in the Armed Forces of the Malaysian Armed Forces;

Third - Every Judge;

Fourth - Every officer of a Court whose duty it is, as such officer, to investigate or report on any matter of law or fact, or to make, authenticate, or keep any document, or to take charge or dispose of any property, or to execute any judicial process, or to administer any oaths, or to interpret, or to preserve order in the Court, and every person specially authorised by a Court to perform any of such duties;

Fifth - Every juryman or assessor assisting a Court or public servant;

Sixth - Every arbitrator or other person to whom any cause or matter has been referred for decision or report by any Court, or by any other competent public authority;

Seventh - Every person who holds any office by virtue of which he is empowered to place or keep any person in confinement;

A Eighth - Every officer of Government whose duty it is, as such officer, to prevent offences, to give information of offences, to bring offenders to justice, or to protect the public health, safety, or convenience;

B Ninth - Every officer whose duty it is, as such officer, to take, receive, keep, or expend any property, on behalf of Government, or to make any survey, assessment, or contract on behalf of Government, or to execute any revenue process, or to investigate, or to report on any matter affecting the pecuniary interests of Government, C or to make, authenticate, or keep any document relating to the pecuniary interests of Government, or to prevent the infraction of any law for the protection of the pecuniary interest of Government, and every officer in the service or pay of Government, or remunerated by fees or commission for the performance of any D public duty;

Tenth - Every officer whose duty it is, as such officer, to take, receive, keep, or expend any property, to make any survey or assessment, or to levy any rate or tax for any secular common purpose of any village, town, or E district, or to make, authenticate, or keep any document for the ascertaining of the rights of the people of any village, town, or district.

Explanation 1 - Persons falling under any of the above descriptions are public servants, whether F appointed by the Government or not.

Explanation 2 - Whether the words "public servant" occur, they shall be understood of every person who is in actual possession of the situation of a public G servant, whatever legal defect there may be in his right to hold that situation.

**[31]** Dalam alasan penghakimannya, YA hakim bicara menyatakan bahawa dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak H pendakwaan, adalah jelas perayu yang pada masa yang material memegang jawatan Menteri Besar Selangor adalah seorang penjawat awam. Walau bagaimanapun, YA hakim bicara tidak menghuraikan alasan beliau membuat dapatan yang sedemikian. YA hakim bicara kelihatan tidak mengarahkan dirinya (non-direction) dengan sewajarnya tentang isu penting ini. Dalam hubungan ini, I

prinsip am mengenainya diterangkan oleh *Archbold, Criminal Pleading, Evidence and Practice*, 2011 edn. di ms. 1075 seperti berikut: A

> Where there has been a misdirection or non-direction, the conviction will be rendered unsafe thereby unless the Court of Appeal are satisfied that, on the whole of the facts and with a correct direction, the reasonable and proper verdict would have been one of guilty. B

**[32]** Di sini adalah masa yang sesuai untuk kami menyentuh sedikit tentang tugas mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan jenayah. *Mallal's Criminal Procedure,* 6th edn. di perenggan 10452 telah menggariskan prinsip yang betul dengan menyatakan seperti berikut: C

> An appeal is merely a continuation of the trial and throws open all the evidence to re-examination in order to determine whether or not the various findings of the trial court are correct. D

**[33]** Dalam kes *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan: E

> The Court of Appeal was empowered to review or reevaluate all the evidence adduced by the prosecution, notwithstanding that the High Court's decision lacked specific findings and contained no reasons for its findings.

**[34]** Seperti yang dinyatakan oleh BN Banerjee's *Law of Criminal Appeals, Revisions, Reference and Review (With Model Forms)* 6th edn., di ms. 584-585, antara lain, tugas mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan jenayah tersebut adalah sepertimana yang berikut: F G

> The appellate court is the only forum where the accused could urge all his contentions on facts and law. Therefore the appellate court has necessarily to discuss the evidence on record and find out whether there is any error of appreciation of evidence and whether the conclusion reached by the trial judge is in conformity with law. H
>
> A conviction can be supported by the prosecution on all items of evidence including those considered and rejected as well as grounds not considered. The entire evidence is available to the appellate court to consider the guilt or innocence untrammelled by what the trial court said. The appellate court is not bound by the I

A fallacious reasons resorted to by the trial court. When there is a conviction, there is no question of the prosecution filing an appeal, as in a civil case. The propriety of the rejection of the evidence or any other item of evidence could be challenged by the prosecution in an appeal by the accused against conviction and the
B appellate court is bound to consider those grounds. In that process, for supporring or vacating the conviction, the appellate court can come to its own conclusion on all items of evidence ignoring the reasons assigned by the trial court, if they are not valid.

C **[35]** Memang benar dalam kes ini butir-butir yang jelas tertera dalam pertuduhan yang dirangka oleh pihak pendakwaan terhadap perayu menyatakan bahawa kapasiti perayu adalah sebagai seorang "Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor" sewaktu beliau dikatakan melakukan kesalahan yang berkenaan. Namun demikian,
D sepertimana yang dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, teras kes pihak pendakwaan di sepanjang prosiding di hadapan YA hakim bicara adalah berkaitan dengan kerja-kerja rasmi perayu sebagai seorang penjawat awam yang pada ketika itu juga memegang jawatan Pengerusi dan ahli lembaga PKNS selain
E daripada menjawat jawatan Menteri Besar Selangor. Teras ataupun fokus kes pendakwaan ini di awal-awal perbicaraan lagi diperlihatkan oleh pihak pendakwaan dalam ucapan pembukaan di ms. 668-670 Rekod Rayuan, Jilid 7 di mana ditekankan bahawa selain memegang jawatan Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor,
F perayu juga pada masa yang berkenaan memegang jawatan sebagai Pengerusi PKNS yang telah berurusan secara rasmi sejak tahun 2000 dengan syarikat-syarikat yang mana saksi penting dalam kes ini iaitu, SP2 mempunyai kepentingan. Walau bagaimanapun, kami sedar bahawa ucapan pembukaan bukanlah merupakan satu
G keterangan. Tetapi, berpandukan semua keterangan yang dikemukakan di sepanjang kes pendakwaan yang perlu dilihat secara keseluruhan, sewaktu perbicaraan di hadapan YA hakim bicara adalah jelas bahawa itulah teras kes pendakwaan terhadap perayu. Mengikut keterangan Mohamad Yasid bin Bidin (SP6) iaitu
H Setiausaha Bahagian Dewan Undangan Negeri Selangor, perayu telah dilantik menjadi Menteri Besar Selangor pada 24 Ogos 2000 melalui watikah yang dikemukakan dan ditandakan sebagai P35. Pada 26 Mac 2004, satu lagi watikah perlantikan perayu sebagai Menteri Besar Selangor dikeluarkan iaitu P36. Perayu memegang
I jawatan Menteri Besar Selangor sehinggalah ke bulan Mac 2008.

Melalui keterangan Setiausaha Kerja PKNS, Norita binti Mohd Sidek (SP17), perayu dilantik menjadi Pengerusi PKNS dari Ogos 2000 sehinggalah Mac 2008. Bahawa teras kes pendakwaan terhadap perayu adalah berkaitan dengan kerja-kerja rasmi beliau sebagai Pengerusi PKNS dapat dilihat dalam surat SP2 sendiri bertarikh 18 Oktober 2000 yang dialamatkan kepada perayu seperti berikut:

YAB Dato' Dr Mohd Khir bin Toyo
Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar
Tingkat 21 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Shah Alam, Selangor.

YAB Dato',

**CADANGAN PERMOHONAN MEMAJUKAN TANAH PERUMAHAN PKNS DI BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN SECARA USAHA SAMA**

Dengan segala hormatnya saya bagi pihak Roniaga Sdn Bhd mengucapkan salam sejahtera semoga YAB Dato' sekeluarga sentiasa diberkati ALLAH.

Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas, Roniaga Sdn Bhd (Roniaga) berhasrat untuk memohon tanah seluas kira-kira 150 ekar untuk pembangunan perumahan dan ruang perniagaan. Pembangunan yang berkonsepkan suasana 'Bandar Universiti' ini adalah dijangka akan menjadi tumpuan siswa-siswi dari Pusat Pengajian Tinggi yang berdekatan dan juga penduduk-penduduk di persekitaran kawasan ini. Ini secara tidak langsung akan mempercepatkan lagi proses pembangunan Bandar serta taraf hidup masyarakat sekitar.

Untuk pengetahuan YAB Dato', pihak kami pernah menghantar permohonan dengan maksud yang sama kepada YAB Dato' Seri Dr Abu Hassan bin Hj. Omar, Menteri Besar Selangor ketika itu.

Namun hingga kini kami masih tidak mendapat apa-apa maklum balas. Bersama-sama ini disertakan salinan surat yang dimaksudkan.

Kami amat berbesar hati sekiranya pihak YAB Dato' dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya akan permohonan ini. Dengan pengalaman, kakitangan yang cekap dan kepercayaan daripada institusi kewangan kami yakin akan dapat melaksanakan projek ini mengikut jangka masa dan spesifikasi yang ditetapkan.

Pihak kami bersedia pada bila-bila masa sekiranya yang YAB Dato' memerlukan maklumat tambahan mengenai projek ini. Kami berharap agar pihak YAB Dato' dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan seterusnya meluluskan permohanan ini.

Sekian. Terima Kasih.

Yang benar,

RONIAGA SDN BHD
SHAMSUDIN HAYRONI
Pengarah Urusan.

**[36]** Pada surat ini tercatat minit perayu iaitu "permohonan ini disokong dan harap tiada halangan." Setelah permohonan SP2 mendapat perhatian serta sokongan perayu, Setiausaha Politik kepada perayu melalui surat bertarikh 3 November 2000 telah menulis surat kepada Pengurus Besar PKNS seperti berikut:

Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
Persiaran Barat, Off Jalan Barat,
46505 Petaling Jaya.

Y.Bhg. Dato',

**CADANGAN PERMOHONAN MEMAJUKAN TANAH PERUMAHAN PKNS DI BANDAR BARU BANGI, SELANGOR SECARA USAHA SAMA**

Dengan segala hormatnya bersama-sama ini dilampirkan surat daripada Roniaga Sdn Bhd, yang telah diterima oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor mengenai perkara tersebut di atas.

Minit Y.A.B. Dato' Menteri Besar dengan sendirinya telah menjelaskan maksudnya. Di atas kerjasama serta bantuan Y.Bhg. Dato' dalam permohonan ini, terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. HAJI KARIM BIN HAJI MANSOR)
Setiausaha Politik Kepada Y.A.B.
Menteri Besar Selangor.

s.k

Pengarah Urusan
Roniaga Sdn. Bhd.,
No. 8-2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah A,
Seksyen 9/A,
40100 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.

**[37]** Daripada surat-surat di atas, adalah jelas kerja-kerja rasmi perayu berkaitan dengan kes ini adalah berhubungan dengan jawatan beliau sebagai Pengerusi PKNS.

**[38]** Tetapi perkara tersebut tidak berakhir di situ. Keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan seterusnya menunjukkan bahawa permohonan SP2 tersebut telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan PKNS pada 4 Januari 2001, di mana perayu adalah Pengerusinya. Sebelum mesyuarat berlangsung, perayu telah diberi taklimat melalui kertas kerja projek iaitu P61 oleh Pengurus Besar PKNS, Dato' Harun bin Hashim (SP11). Pada ms. 4 kertas kerja ini (sila lihat ms. 1139 Jilid 12 Rekod Rayuan), perayu mencatat "bersetuju dengan cadangan konsep Bandar Universiti di mana keluasan bergantung kepada yang diperlukan untuk merealisasikan cadangan ini". Pada minit ini juga tertera tandatangan perayu dan cop Menteri Besar beliau. Selain daripada itu, perayu juga pernah mencadangkan agar syarikat SP2 dilepaskan dari dikenakan bank guarantee melalui minit beliau pada surat yang dihantar oleh SP2 kepada SP11 (P28) bertarikh 18 Julai 2001, sepertimana yang dapat dilihat di ms. 940 Jilid 10 Rekod Rayuan. Pada minit ini juga tertera tandatangan perayu dan cop Menteri Besar beliau.

**[39]** Persoalan di sini adalah sama ada perayu dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi PKNS adalah merupakan seorang penjawat awam di bawah s. 165 Kanun. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa PKNS adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah s. 3 Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (Enakmen). Seksyen 11 pula menyatakan tanggungjawab PKNS adalah memajukan kawasan-kawasan perumahan, perindustrian dan komersial dalam Negeri Selangor. Daripada peruntukan ini dapat dilihat bahawa PKNS menjalankan kerja-kerja yang berkait rapat dengan pemerintahan atau 'executive functions' Kerajaan Negeri Selangor. Sejajar dengan kerja-kerja

A eksekutif tersebut, mengikut peruntukan s. 12, PKNS, antara lain, diberi kuasa yang begitu luas berkaitan dengan perolehan hartanah dan membuat apa-apa kontrak yang berkaitan. Bagi memudahkan rujukan, diperturunkan di bawah ini sepenuhnya peruntukan tersebut seperti berikut:

B

12. Subject to the provisions of this Enactment, the Corporation may:

(a) Purchase, exchange, lease and hold land, buildings and other immovable property;

C

(b) Build houses, flats, tenements, shops and shop-houses. Convert any house, shop or shop-house into flats or tenements;

(c) Purchase, exchange, lease and hold land for the purpose
D of development and resale to the public as building lots, and for the purpose of providing open spaces and recreation grounds;

(d) Do any work on land necessary for the purpose of its development, as building land;

E

(e) Sell land, buildings or other immovable property;

(f) Lease to other persons in accordance with the provisions of any law in force in the State relating to land or dealings in land or buildings or other immovable property
F at such rent and subject to such terms and conditions as the Corporation shall think fit;

(g) Enter into contracts with other persons that such persons should build or do any work on behalf of the Corporation;

G

(h) Enter into any contract or do any other act or matter necessary and proper for carrying into the effect the purposes of this Enactment;

(i) Vest in any local authority such property of the
H Corporation as the Ruler in Council may determine;

(j) To carry on and undertake all activities of an industrial, social, commercial and economic nature the carrying on and undertaking whereof appears to the Corporation to
I be requisite or advantageous for or in connection with the discharge of any of its duties;

(k) To carry on and undertake any such activities either alone or in association with other bodies or persons;

(l) To do all actions and things which the Corporation considers desirable or expedient;

(m) Undertake such other functions and administer and expend such other monies for such purposes as the Minister or the Ruler-in-Council or any statutory authority may assign to it not inconsistent with the provisions of this Enactment or any law passed by the Parliament: and

(n) Carry on and undertake all activities of agricultural or housing development in urban and rural areas.

**[40]** Seterusnya s. 13 Enakmen memperuntukkan kuasa PKNS untuk pinjaman sejumlah wang bagi maksud untuk menjalankan fungsi-fungsi di bawah Enakmen tersebut. Kami telah pun sebelum ini menurunkan sepenuhnya peruntukan s. 21 Kanun berkaitan dengan tafsiran frasa "penjawat awam". Di sini kami ingin menekankan peruntukan dalam perenggan (i) s. 21 Kanun yang memperuntukkan bahawa frasa "penjawat awam" termasuk tiap-tiap pegawai yang kewajipannya, sebagai pegawai itu, ialah mengambil, menerima, menyimpan atau membelanjakan apa-apa harta bagi pihak kerajaan, atau membuat apa-apa kontrak bagi pihak kerajaan atau melaksanakan apa-apa surat perintahan hasil atau menyiasat atau melaporkan apa-apa perkara mengenai kepentingan-kepentingan kewangan kerajaan, atau membuat, mengesahkan atau menyimpan apa-apa suratan mengenai kepentingan-kepentingan kewangan kerajaan. Mengikut peruntukan s. 17 Kanun, perkataan "kerajaan" termasuklah Kerajaan Negeri dan mana-mana orang yang sah di sisi undang-undang menjalankan kerja-kerja pemerintahan kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Pada pandangan kami, perkataan 'kerajaan' dalam s. 21 Kanun termasuk Kerajaan Negeri Selangor dan mana-mana orang yang sah di sisi undang-undang menjalankan kerja-kerja pemerintahan atau "executive functions" Kerajaan Negeri Selangor. Dengan yang demikian, dalam konteks kes ini, berdasarkan perenggan (i) s. 21 Kanun, perayu dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi PKNS yang bertanggungjawab untuk memajukan kawasan-kawasan perumahan, perindustrian dan komersial dalam

A Negeri Selangor, adalah seorang penjawat awam bagi maksud s. 165 Kanun. Seperti yang telah pun kami bincangkan di awal penghakiman ini, kerja-kerja rasmi perayu yang berkaitan dengan kes ini adalah mengenai Cadangan Permohonan Memajukan Tanah Perumahan PKNS di Bandar Baru Bangi.

B

**[41]** Pandangan kami bahawa perayu merupakan seorang penjawat awam bagi maksud kesalahan di bawah s. 165 Kanun pada masa yang material adalah juga disokong oleh s. 4(1) Enakmen yang memperuntukkan seperti berikut:

C

> The Corporation shall consist of:
>
> (a) a Chairman, who shall be a person for time being holding the office of Menteri Besar, Selangor.

D **[42]** Seksyen 9(3) Enakmen yang sama memperuntukkan bahawa, "all members, officers and servants of the Corporation shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code." Manakala s. 2 memberi makna "member of the Corporation" means any member of the Corporation appointed under para. (d) sub-s. (1) of s. 4 and includes the Chairman and the *ex-officio* members."

E

**[43]** Peruntukan s. 9(3) Enakmen bukanlah merupakan peruntukan penal atau peruntukan yang mewujudkan atau mengawal satu kesalahan jenayah. Pada hakikatnya, seksyen ini

F sebenarnya merupakan "a deeming provision". Peruntukan "deeming" ini perlulah diberi tafsiran yang sewajarnya yang hanya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai PKNS adalah disifatkan sebagai penjawat awam bagi maksud Kanun.

G **[44]** Mengenai kesan "deeming provision" di bawah s. 9(3) Enakmen, autoriti yang kami ingin rujuk di sini adalah kes *PP v. Phee Joo Teik* [1961] 1 LNS 94; [1962] MLJ 56 yang mana kami temui sewaktu menyediakan draf penghakiman kes ini. Dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan pada masa itu,

H responden, seorang Town Councillor di Butterworth Town Council telah dituduh bagi kesalahan-kesalahan di bawah ss. 161 dan 165 Kanun kerana menerima rasuah sebagai penjawat awam. Satu isu awal telah dibangkitkan bagi pihak responden bahawa "a Town Councillor" bukanlah penjawat awam di bawah ss. 161

I dan 165 Kanun. Penghujahan ini diterima oleh mahkamah bicara

dan perintah pembebasan dan pelepasan telah dibuat. Pendakwa Raya telah membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan memutuskan bahawa responden sebagai Town Councillor di Butterworth Town Council adalah disifatkan sebagai penjawat awam bagi maksud Kanun Keseksaan. Thomson CJ sewaktu menyampaikan penghakiman mahkamah telah, antara lain, berkata seperti berikut:

> Sections 161 and 165 of the Penal Code create offences relating to the taking of bribes by public servants. A "public servant" for the purposes of the Code is defined by s. 21 and it is common ground that a Town Councillor of the Butterworth Town Council or indeed any other Town Councillor does not fall within that definition.
>
> It is, however, the case for the prosecution that a Town Councillor is constituted a public servant for the purposes of the Code by reason of the provisions of the Municipal Ordinance of the former Straits Settlements which is and at all material times has been in force in what is now the State of Penang and which has been extended to the rest of the country by Federation of Malaya Ordinance No: 3 of 1948.
>
> This is said to arise in the following way by a Notification dated 18 December 1952 (Penang LN. No: 371 of 1952) the Resident Commissioner, Penang, purported to establish "a Rural Board to be known as the Butterworth Town Council" in a specified area. He did so "in exercise of the powers conferred by s. 399 of the Municipal Ordinance". By the same Notification he purported to apply and extend to the area in question a large number of provisions of the Municipal Ordinance including the provisions of s. 398 and provided (para. 5) that in applying these provisions to the area the expression "Councillor" should be construed as meaning a member of the Butterworth Town Council.
>
> Section 398 of the Municipal Ordinance, as amended by Federation of Malaya Ordinance No: 53 of 1950 provides that Councillors "shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code". The present respondent is a member of the Butterworth Town Council and it was therefore argued by the prosecution that he is a Councillor within the meaning of the Municipal Ordinance and that for the purposes of the Penal Code, and in particular for the purposes of ss. 161 and 165, he is a public servant.

A On the other side it was contended that what is called the Butterworth Town Council has never been legally established; that the Resident Commissioner, Penang, had no power to establish it as lie purported to do; and that even if he had such a power he did not exercise it property in the Notification he issued because he did not set out in full the chain of statutory authority which brought the power to him. It was further contended that even if he had power to establish a Rural Board he had no power to establish a Rural Board and call it by the name of a Town Council, and that in any event the provisions of s. 398 did not apply to members of the alleged Rural Board even if it was established because these provisions by their nature were incapable of being extended to an area.

The questions thus in this issue can best be answered in the light of an examination of the various statutory provisions involved.

**[45]** Setelah merujuk dan menganalisa peruntukan-peruntukan yang berkaitan, Thomson CJ telah berkata:

The object of section 398 clearly is to provide that certain persons connected with the system of local government set up by the Ordinance are to be treated for the purposes of *inter alia* the criminal law as public servants. In the circumstances, to say that the provisions of the section are incapable of being applied to and so becoming the territorial law in an area in which that system of local government is brought into being under and by reason of the provisions of the Ordinance itself would be in defeat the remedy of the mischief of the statute.

**[46]** Dengan segala hormatnya, kami bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh YAA hakim tersebut. Dalam konteks kes di hadapan kami ini, tujuan s. 9(3) Enakmen adalah hanya untuk memperuntukkan bahawa pegawai-pegawai PKNS, yang termasuk juga perayu di sini, disifatkan sebagai seorang penjawat awam di bawah Kanun khususnya, kesalahan di bawah s. 165 Kanun yang sama.

**[47]** Sebagai kesimpulannya, bagi isu sama ada perayu seorang penjawat awam, berdasarkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun dan Enakmen serta kes *PP v. Phee Joo Teik*, kami memutuskan bahawa perayu selaku Pengerusi dan ahli lembaga pengarah PKNS adalah seorang penjawat awam di dalam maksud Kanun, khususnya peruntukan s. 165 Kanun yang sama yang merupakan kesalahan yang mana perayu dituduh.

**[48]** Ini membawa kepada persoalan penting dalam kes ini: sama ada dalam keadaan kes dan fakta di sekeliling kes ini kesilapan atau ketinggalan menyatakan dalam pertuduhan tentang butiran jawatan perayu sebagai Pengerusi PKNS mengakibatkan kegagalan keadilan (has occasioned a failure of justice) yang boleh membatalkan prosiding perbicaraan di hadapan YA hakim bicara. Adakah kesilapan atau ketinggalan ini telah mencemari kesahihan keseluruhan perbicaraan dan menjadi ianya terbatal? Untuk menjawab persoalan ini, sebagai permulaan, kami ingin merujuk kepada s. 156 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang menyatakan seperti berikut:

> No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.

**[49]** Peruntukan tersebut dengan jelas memperuntukkan bahawa kesilapan dalam menyatakan butir-butir yang dikehendaki disebutkan dalam pertuduhan itu, dan ketinggalan daripada memperihalkan butir-butir itu tidak boleh dianggap pada mana-mana peringkat kes itu, sebagai material, kecuali tertuduh itu sebenarnya telah terkeliru oleh sebab kesilapan atau ketinggalan itu. Dalam hubungan ini, kami merujuk kepada *The Annotated Statutes of Malaysia Desk Edition Volume 7 Criminal Law and Procedure* (2001 Issue) di ms. 441 seperti berikut:

> This section is designed to prevent any failure of justice by reason of non-compliance with the technical provisions of the law, such non-compliance being of significance only if the accused has been misled. It appears that failure of justice must have also been thereby occasioned.
>
> According to this section, an error may be regarded as material, only if the accused has been misled.

**[50]** Satu lagi peruntukan yang relevan dan penting berkaitan persoalan ini adalah s. 422 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:

A

> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial or in any inquiry or other proceeding under this Code;
>
> (b) ...
>
> B
>
> (c) ...
>
> unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

C

**[51]** Setakat mana ianya berkaitan dalam kes ini, s. 422 dengan jelas menyatakan bahawa tiada hukuman atau perintah yang telah dijatuhkan oleh mahkamah boleh diakas atau ditukar dengan sebab apa-apa kesilapan, ketinggalan atau luar aturan dalam pertuduhan
D melainkan jika apa-apa kesilapan atau ketinggalan tersebut telah mengakibatkan kegagalan keadilan. Mengikut *Mallal's Criminal Procedure*, 6th edn., di perenggan 14551:

> Justice is well served by section 422 of the CPC as it enables a
> E superior court sitting in appeal or revision to remedy technical defects which may have inadvertently arisen in a trial.

**[52]** Menurut *Jfanab's key to Criminal Procedure and Evidence*, 2nd edn., oleh Dr Hj Hamid Sultan bin Abu Backer di ms. 424:

> F this is a very wide provision which cures all forms of irregularities, error, omission or improper admission or rejection of evidence unless it has occasioned a failure of justice.

**[53]** Dalam kes *Yap Sing Hock & Anor v. PP* [1992] 4 CLJ 1950; [1992] 1 CLJ (Rep) 356, Peh Swee Chin HMP,
G menyatakan:

> Whether any court should apply s. 422 aforesaid will depend, among other things, on whether the irregularity involves the breach of a principle of general importance to the administration of criminal justice. If it does, the court would not apply s. 422,
> H as this appears to us to be the same thing as the irregularity having occasioned a failure of justice.

I

**[54]** Dalam kes *Pie Chin v. PP* [1983] 1 CLJ 316; [1983] CLJ (Rep) 703 sewaktu membincangkan pemakaian s. 422, Wan Yahya H (pada ketika itu) telah berkata: A

> As a rule of the thumb, prejudice is an essential ingredient to the failure of justice. The question to be considered here is whether the appellant has been in any way prejudiced in his defence by this error. If he is not, then no failure of justice has been occasioned. The prosecution in our current case has mistakenly described the word 'State' as 'Federal' in the charges. But for this small error the nature and substance of the offence with which the Appellant was charged remained the same, ie, he, as an agent, corruptly accepted gratification for doing an Act in respect of his principal's affairs. Such an error, to my mind, is one form rather than substance. B C
>
> If the Appellant, in this Appeal before us, had in the first instance been charged as an agent of the State Government, the evidence of the prosecution, but for that relating to the mistake, would have been similar. The Appellant's defence would have taken the same course whether he had been charged as a State or Federal agent. The fact is he was an agent of either one and in that capacity he had accepted gratification as an inducement for doing an act in relation to the affairs of his principal - which could be either. D E
>
> In my opinion the misdescription of the word Federation instead of the word State in the charge had not in any way prejudiced the appellant's defence and the mistakes in the charges were inregularities which are curable by s. 422. F

**[55]** Dalam kes *Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. PP* [2011] 5 CLJ 369; [2009] 4 MLJ 305, sewaktu menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan, Abdul Malik Ishak, HMR telah menyatakan seperti berikut: G

> The curative powers of Criminal Procedure Code cannot be doubted. Some salient examples would suffice:
>
> (a) that according to *Moh Yee Chong (f) & Anor v. Public Prosecutor* [1955] MLJ 115, a defective charge amounts to an irregularity which could not possibly be said to have occasioned a failure of justice and is curable under Criminal Procedure Code; H
>
> (b) that according to *See Yew Poo v. Public Prosecutor* [1949] MLJ 131: and *Lee Chin Kee v. Public Prosecutor* [1935] MLJ 157, duplicity of charges are mere irregularities and they are considered curable under Criminal Procedure Code provided such duplicity has not occasioned a failure of justice; I

(c) that errors and omissions in a charge are mere irregularities that are curable under Criminal Procedure Code, for examples:

(i) in *Wong Ah Kee v. Public Prosecutor* [1949] MLJ 68, the word 'knowingly' was left out in the charge and it did not embarass the accused in making his defence and was considered as an irregularity and curable as such; and

(ii) in *Public Prosecutor v. Ginder Singh & Chet Singh* [1948] MLJ 194, the charge contained an omission of the place and the wrong weight of the product and it was held to be an irregularity curable under Criminal Procedure Code.

(d) that according to *Ramalingam Pillay v. The Crown* [1905] 9 SSLR 99 (HC), the failure to amend a charge is an irregularity which is curable since it has not occasioned a failure of justice;

(e) that according to *Wee Toon Boon v. Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 191 the failure to state the particulars in the charge amounts to an irregularity which is curable; and

(f) that according to *Regina v. Koomah* [1808-84] 3 Ky 67, a conviction under the wrong clause of an Ordinance is an irregularity which is curable.

The crucial questions to pose would be these: Was the error in regard to the original charge in 'P2' an embarrassment to the defence? Has that error occasioned a serious miscarriage of justice which makes it incumbent on this court to reverse the findings of guilt and set aside the orders of detention made by the learned High Court judge against all the eight appellants herein? We would answer these questions in the negative. We hold that the original charge in 'P2' against all the eight appellants are validly preferred and that the appellants' defences indicated that they knew what they were charged for. We too hold that there was no serious miscarriage of justice to justify interference by this court.

**[56]** Berbalik kepada kes ini, kami berpendapat perayu tidak terkeliru disebabkan kesilapan atau ketinggalan tersebut. Rumusan ini dibuat berdasarkan kepada hakikat bahawa, seperti yang telah kami huraikan sebentar tadi, teras atau hala tuju kes pendakwaan memfokuskan kepada kerja-kerja rasmi perayu sebagai seorang penjawat awam sewaktu memegang jawatan Pengerusi PKNS selain menjawat jawatan Menteri Besar pada masa yang sama. Perayu mengetahui beliau adalah Pengerusi PKNS yang pernah berurusan dengan SP2. Isu ini akan dibincangkan dengan mendalam lagi kemudian. Selaku Pengerusi PKNS beliau juga

adalah seorang Menteri Besar. Dalam banyak urusan rasmi beliau, perayu menggunakan cop rasmi Menteri Besar sungguhpun urusan berkenaan adalah berkaitan terus dengan urusan PKNS. Bahkan, saksi-saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan mengenai perkara ini telah disoal balas dengan panjang lebar dan penuh teliti oleh peguam-peguam perayu sewaktu perbicaraan di hadapan YA hakim bicara. Selanjutnya, peguam perayu tidak dapat menunjukkan bahawa ketinggalan dalam pertuduhan yang timbul itu telah mengelirukan perayu sepanjang tempoh perbicaraan berlangsung di mana perayu telah diwakili oleh barisan peguam yang kompeten lagi bijaksana. Malahan di hadapan kami, tidak dicadangkan bahawa kecacatan atau ketinggalan tersebut telah mengelirukan perayu. Lagi pula, apa yang sebenarnya menjadi teras pembelaan perayu di hadapan YA hakim bicara dan di mahkamah ini adalah pembayaran RM3.5 juta berkenaan adalah satu pembalasan yang mencukupi bagi pembelian hartanah yang berkenaan.

**[57]** Dalam keadaan dan konteks kes ini, persoalan yang lebih penting adalah sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa perayu adalah seorang penjawat awam ketika memegang jawatan Pengerusi atau ahli lembaga pengarah di dalam PKNS. Sepertimana yang telah kami putuskan di awal tadi, perayu yang merupakan Menteri Besar pada masa material dan secara automatik adalah juga merupakan Pengerusi PKNS serta adalah seorang pegawai awam yang termaktub di bawah maksud 'penjawat awam' bagi maksud s. 165 Kanun. Adalah jelas berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa kerja-kerja rasmi yang dimaksudkan di dalam pertuduhan adalah berhubungan dengan kerja-kerja rasmi perayu sebagai Pengerusi dan ahli lembaga pengarah PKNS.

**[58]** Dengan yang demikian, berdasarkan semua alasan yang telah kami huraikan di atas, kami bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa kesilapan atau ketinggalan pada pertuduhan tersebut tidak menimbulkan sebarang salah laksana keadilan (miscarriage of justice) terhadap perayu dan boleh dipulihkan dan diperbetulkan di bawah peruntukan s. 422 KTJ. Pada hemat kami, perayu tidak diprejudiskan dengan pertuduhan yang ada; tiada alasan yang boleh diterima di sini untuk memutuskan bahawa terdapat salah laksana keadilan. Kami berpendapat kesilapan atau ketinggalan tersebut hanyalah ketidakaturan semata-semata dan bukan kecacatan undang-undang yang asasi.

**[59]** Atas fakta kes ini, sungguhpun YA hakim bicara tidak mengarahkan dirinya dengan sewajarnya tentang isu ini, kesilapan ini tidak menjadikan sabitan tidak sah atas alasan ini, kerana seandainya beliau mengarahkan dirinya dengan betul, keputusan yang sama juga akan dicapai (sila rujuk *Khoo Hi Chiang v. PP and Another Case* [1994] 2 CLJ 151; [1994] 1 MLJ 265, *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, *Tunde Apatira & Ors v. PP* [2001] 1 CLJ 381; [2001] 1 MLJ 259 dan *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 MLJ 537). Justeru, tidak terdapat ketidakadilan substantial yang berlaku mengenai isu ini. Dalam keadaan sedemikian, kami memakai dan memperguna proviso kepada s. 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

*Alasan (ii): Sama Ada Balasan RM3.5 Juta Yang Diberi Bagi Hartanah Yang Menjadi Hal Perkara Pertuduhan Itu Tidak Mencukupi*

**[60]** Peguam perayu telah berhujah bahawa tanda aras balasan adalah berpandukan kepada harga pasaran. Ini adalah berbeza dengan pendirian pihak pendakwaan yang telah berhujah bahawa harga pasaran bukanlah kayu pengukur untuk menilai sama ada balasan itu mencukupi atau tidak. Bagi menyokong hujahan ini, peguam bergantung kuat kepada ilustrasi kepada s. 165 Kanun seperti berikut:

> (a) A, a Judge, hires a house of Z, who has a case pending before him. It is agreed that A shall pay fifty ringgit a month, the house being such that, if the bargain were made in good faith, A would be required to pay two hundred ringgit a month. A has obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.
>
> (b) A, a Judge, buys of Z, who has a cause pending in A's Court, Government promissory notes at a discount, when they are selling in the market at a premium. A has obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.
>
> (c) Z's brother is apprehended and taken before A, a Magistrate, on a charge of perjury. A sells to Z shares in a bank at a premium, when they are selling in the market at a discount. Z pays A for the shares accordingly. The money so obtained by A is a valuable thing obtained by him without adequate consideration.

**[61]** Menurut peguam, frasa-frasa 'bargain made in good faith' dalam ilustrasi (a), 'the judge buys the shares at a discount when they are selling in the market at a premium' dalam ilustrasi (b), dan 'the Magistrate sells at a premium when they are selling at a

discount' dalam ilustrasi (c) jelas menunjukkan kayu pengukur atau 'benchmark' mestilah 'the market value or the prevailing market price or the price that would ordinarily be paid in the market, by whatever name it is called for the particular valuable thing'.

**[62]** Peguam kemudian telah merujuk kepada empat laporan penilaian seperti berikut:

(i) Laporan Penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Selangor (JPPH) bertarikh 29 Mei 2007 (P39 dan P40) yang dinilai RM4,807,948;

(ii) Laporan Penilaian Henry Butcher bertarikh 17 Ogos 2009 (P51) yang dinilai RM5,550,000;

(iii) Laporan Penilaian Trans Asia Property Consultancy bertarikh 4 Jun 2007 (P23) yang dinilai RM5,520,000; dan

(iv) Laporan Penilaian Rahim & Co bertarikh 14 Mei 2007 yang dinilai RM3,500,00 (D58).

**[63]** Dalam penghujahan bertulisnya, peguam telah membuat ringkasan perbandingan laporan-laporan tersebut seperti berikut:

| | RAHIM & CO 2007 (I: 14.05.2007) (R:18.05.2007) | TRANS ASIA 2007 (I:19.05.2007) (R:4.06.2007) | HENRY BUTCHER 2007 (I:14.05.2007) (R:17.08.2009) | JPPH 2007 (I:29.05.2007) (R:1.08.2007) |
|---|---|---|---|---|
| TOTAL LAND (RM) | PT62: RM1,430,730<br>PT65:<br>Total: RM2,247,810 | PT62:<br>PT65: RM817,080<br>Total: | PT62:<br>PT65:<br>Total: RM2,350,000 | PT62: RM1,429,572.89<br>PT65: RM918,471<br>Total: RM2,348,043.89 |
| TOTAL BUILDING | RM1,328,030 (RM) | - | RM3,200,000 | RM2,460,375 |
| TOTAL LAND + | RM3,575,840 BUILDING | RM5,520,000 | RM5,550,000<br>FOR 52221 | RM4,807,948<br>sf. |

**[64]** Menurut peguam, berdasarkan daripada kandungan laporan-laporan tersebut, tidak terdapat banyak perbezaan dari segi penilaian mengenai harga tanah; perbezaan adalah berkaitan penilaian yang dibuat ke atas bangunan. Peguam telah berhujah bahawa laporan D58 yang disediakan oleh Rahim & Co yang sewajarnya diberi pertimbangan oleh mahkamah dan diberi 'much weight' kerana, antara lain, 'this is only report done by an independent-professional valuer which is within the knowledge of the appellant' dan 'the most reliable report as compared with the other three reports'. Peguam seterusnya berhujah bahawa berdasarkan laporan D58 ini, balasan RM3.5 juta bagi hartanah yang dibeli oleh perayu daripada Ditamas Sdn Bhd adalah suatu balasan yang mencukupi. Peguam juga telah menambah bahawa balasan RM3.5 juta tersebut adalah juga berasaskan 'willing-seller and willing-buyer' kerana tidak terdapat sebarang bantahan daripada kedua-dua pihak selepas perjanjian telah ditandatangani. Dengan yang demikian, peguam berhujah, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan oleh itu YA hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan kes *prima facie*.

**[65]** Kami tidak dapat bersetuju dengan hujah-hujah ini. Mengenai ilustrasi kepada s. 165 Kanun, prinsip undang-undang adalah ianya berfungsi hanya untuk memberi contoh bagi pemakaian sesuatu peruntukan undang-undang dan ianya tidak boleh mengikat mahkamah. *NS Bindhra Interpretation of Statutes*, 10th edn. di ms. 121-122 menyatakan:

> An illustration to a statutory provision merely illustrates a principle and *ex hypothesi* it cannot be exhaustive. It is illustrative of the true scope and ambit of a section. It must be read subject to the relevant provision in the section itself.
>
> (1) For use of untrained judiciary
>
> Illustration merely illustrates a principle and what the court should try and do is to deduce the principle which underlies the illustrations. An illustration is a simple statement of facts to which the section itself has got to be applied. It only exemplifies the law as enacted in a statute.

**[66]** Selanjutnya di ms. 124-125, penulis buku ini menyatakan: A

> The statement of law in the illustrations used in an Act cannot be taken as laying down substantive law, and does not bind the court to place a meaning on the section which is inconsistent with its language. If there be any conflict between the illustration and the main enactment, the illustration must give away to the latter. It is true that illustrations cannot control the language of a section, but they certainly afford a guidance to its contruction. B

**[67]** Seperti yang telah kami tekankan di awal lagi, antara intipati penting bagi kesalahan s. 165 Kanun adalah 'inadequate consideration' ataupun balasan yang tidak mencukupi. Kanun tidak memberi definisi perkataan-perkataan ini. Dalam memberi tafsiran balasan yang tidak mencukupi dalam konteks dan keadaan kes ini, ilustrasi kepada s. 165 Kanun, sepertimana yang telah kami bincangkan sebelum ini, hanyalah untuk membantu mahkamah memahami peruntukan tersebut dan tidak boleh mengikat tafsiran mahkamah mengenainya. Dalam keadaan dan konteks kes ini, petikan dari *Black Laws Dictionary*, 8th edn. boleh membantu mahkamah di mana di ms. 326 dinyatakan seperti berikut: C D E

> inadequate consideration. Consideration that is not fair or reasonable under the circumstances of the agreement.

**[68]** Dr Sir Hari Singh Gour dalam bukunya *The Penal Law of India*, 10th edn. di ms. 1451 menyatakan: F

> The question whether a thing was or was not of 'value' does not depend upon its market price. It may be an article of vertu which may maybe priceless. The question is one of fact which the Court will have to decide in each case, having regard to the intrinsic value and price of the thing and the occasion which led to its being presented. In such a case the question of motive is material, not because it is necessary ingredient of the crime but because it tends to explain the reason for the acceptance. For the same reason, the question of consideration is also material, for it tends to rebut suspicion that otherwise attaches to a transaction, which may inexplicable, otherwise than as a veiled gratification. A thing how much so ever valuable, may be purchased for its full value by a public servant no less than by any body else. G H I

**[69]** Pada hemat kami, laporan-laporan penilaian hartanah tersebut adalah hanya sebagai rujukan bagi pengamal perundingan hartanah dan ianya tidak boleh mengikat mahkamah dalam memberi tafsiran balasan yang tidak mencukupi bagi maksud s. 165 Kanun. Apatah lagi bagi laporan D58 yang dikemukakan oleh pihak pembelaan dengan jelas menyatakan bahawa tujuan laporan D58 ini yang disediakan oleh Tetuan Rahim & Co adalah hanya untuk tujuan pembiayaan pembelian hartanah tersebut oleh perayu dan isterinya. Ini dapat dilihat di ms. 1099 Jilid 11 Rekod Rayuan seperti berikut:

> We have been instructed by HSBC Bank Malaysia Berhad, on behalf of Dato' Seri Dr Haji Mohamad Khir bin Toyo & Datin Seri Zahrah bt Kechik, to assess the market value and forced sale value of the abovementioned property for financing purpose.
>
> In this valuation, we have been instructed by our client to assess the market value of the subject property on an 'As is basis' ie, the land with the buildings in its existing state.
>
> It Is Pertinent To Note That This Report And Valuation Is Prepared Specifically For The Above Intended Purpose And Should Not Be Used For Any Other Purposes Without Our Prior Written Consent.

**[70]** Sehubungan ini, kami bersetuju dengan YA hakim bicara bahawa sama ada balasan RM3.5 juta itu adalah mencukupi atau tidak adalah bergantung kepada fakta sekeliling kes ini dan bukannya kepada harga pasaran D58 yang disandarkan oleh peguam perayu. Pendekatan yang kami ambil ini adalah sejajar dengan skop s. 165 Kanun sendiri. Menurut *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*, 24th edn. di ms. 685:

> The Court must interpret section 165 according to its plain language without in any manner being anxious or astute to narrow down its interpretation. Section 165 must be construed in a manner which would advance the remedy and suppress the mischief which is intended lo be curbed. Section 165 is wider than section 161 and that an act of corruption not falling within section 161 may yet come within the wide terms of section 165. Section 165 is so worded as to cover cases of corruption which do not come within section 161, 162 or 163. The difference between the acceptance of a bribe made punishable under section 161 and section 165 is that under the former section the present is taken as a motive or reward for abuse of office; while under the latter

> section the question of motive or reward is wholly immaterial and the acceptance of a valuable thing without consideration or with inadequate consideration from a person who has or is likely to have any business to be transacted, is forbidden because though not taken as a motive or reward for showing any official favour, it is likely to influence the public servant to show official favour to the person giving such valuable thing.

dan juga sepertimana yang dijelaskan oleh *Mallal's Penal Law* yang mana saya telah rujuk di awal penghakiman ini, 'the principle behind this section is to prevent public servants from circumventing the prohibition against taking or receiving gratification by taking or receiving valuable gifts instead'.

**[71]** Kini kami beralih kepada persoalan sama ada balasan RM3.5 juta bagi hartanah tersebut yang diberi oleh perayu adalah mencukupi atau tidak? Untuk itu, kami perlu merujuk kepada keterangan yang ada di hadapan mahkamah. Keterangan menunjukkan bahawa daripada awal-awal lagi perayu sebenarnya memang berminat dengan hartanah tersebut. Tentang isu ini, YA hakim bicara telah menilai keterangan mengenainya dengan terperinci sejak perayu mula berkunjung ke rumah tersebut pada tahun 2004 dan bertemu dengan SP1. Pada masa yang berkenaan, perayu telah menyatakan harga RM7 juta adalah terlalu mahal. Selepas dari lawatan singkat tersebut, Dato' Sumadi telah pergi ke rumah tersebut bersama-sama SP2 dan di situ SP2 dimaklumkan bahawa perayu ada melawat dan berminat dengan rumah tersebut. Selepas SP2 mengetahui bahawa perayu berminat dengan rumah tersebut, mereka telah berbincang dan di sini timbul fakta yang perayu menyuruh SP2 membeli rumah yang berkenaan. SP2 bersetuju dengan permintaan perayu ketika itu kerana perayu adalah Menteri Besar Selangor dan SP2 pula merupakan peniaga di Selangor. SP2 seterusnya telah berbincang dengan SP1 sehingga dipersetujui harga RM6.5 juta. Perayu telah dimaklumkan oleh SP2 tentang harga ini. Kemudiannya pada awal 2007 apabila perayu menyatakan hasratnya kepada SP2 untuk membeli rumah tersebut, SP2 telah menyebut harga dalam lingkungan RM5 - 5.5 juta. Namun perayu telah menyatakan kelayakan beliau hanyalah RM3.5 juta. Harga RM5 - 5.5 juta tersebut dinyatakan setelah SP2 mengambil kira kos renovasi dan ingin beri potongan sedikit mengambil kira harga tanah. Bagi memuaskan hati SP2 sendiri, beliau telah mengupah SP10 dari Syarikat Trans Asia untuk

menilai hartanah tersebut tanpa pengetahuan perayu. SP10 telah dibayar RM9000 untuk kerja penilaian ini dan hasil penilaian adalah didokumenkan dalam laporan P23. Penjelasan SP2 mengapa laporan P23 ini tidak ditunjukkan kepada perayu dinyatakan pada ms. 143, Jilid 2, Rekod Rayuan seperti berikut:

S : Kenapa kamu tak tunjukkan ID23 kepada Perayu semasa dia offer 3.5 juta?

J : Apa perlunya tunjukkan kepadanya sebagai MB pada ketika itu. Saya tunjukkan 5.5 juta tetapi Perayu kata kelayakan 3.5 juta.

Mahkamah : Saksi tak cakap tolak 3.5 juta.

S : Semasa dia offer, ada kamu cakap pada dia?

J : Ya, saya tidak setuju.

S : Kamu rasa 3.5 juta agak rendah, jadi kamu dapatkan ID23?

J : Ya.

**[72]** Adalah jelas dari keterangan di atas dan beberapa soalan yang sama, SP2 telah bersetuju dengan RM3.5 juta bukan atas dasar 'willing buyer willing seller' tetapi disebabkan bimbangkan kedudukannya sebagai seorang peniaga di Selangor jika bertegas untuk harga yang beliau inginkan.

**[73]** Di samping itu, terdapat satu lagi fakta yang penting dan relevan dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Sebelum 29 Mei 2007, iaitu tarikh perjanjian jual beli antara Ditamas Sdn Bhd dan perayu serta isteri beliau, perayu yang masih itu belum lagi menjadi pemilik hartanah tersebut telah melahirkan hasrat untuk mengubah suai rumah tersebut. Perayu kemudian telah melantik SP3 untuk menjalankan pengubahsuaian rumah tersebut mengikut konsep Bali seperti yang dilakukan di rumah seorang yang bernama Dato' Karim. Keterangan mengenai isu ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi kemudian. Tetapi memadai di sini untuk menekankan tentang minat perayu untuk memiliki hartanah tersebut dalam konteks sama ada balasan RM3.5 juta itu adalah mencukupi atau tidak.

**[74]** Pada pandangan kami, dalam keadaan kes dan keterangan sebenar dalam kes ini, dilihat dari arah mana pun, balasan RM3.5 juta itu jelas tidak mencukupi bagi maksud kesalahan di bawah s. 165 Kanun. Berkaitan dengan persoalan ini, YA hakim bicara setelah menimbangkan semua fakta yang berkaitan telah membuat penemuan fakta seperti yang berikut di ms. 638 Jilid 7 Rekod Rayuan telah berkata seperti berikut:

> Di dalam kedudukan fakta sekeliling (circumstances) yang dihuraikan di atas, adalah jelas RM3.5 juta adalah 'not fair or reasonable in the circumstances'.
>
> Keterangan SP2 bahawa beliau membeli hartanah tersebut dengan harga RM6.5 juta dengan beberapa bayaran ubahsuai. Tertuduh menawarkan RM3.5 juta tetapi ditolak oleh SP2 pada mulanya dan 'counter - proposed' RM5 juta kerana ingin memberi diskaun, memandangkan pertalian persahabatan perniagaan. SP2 telah meminta jurunilai SP10 memberi nilaian RM5.5 juta (Ex. P23 Valuation Report). Fakta ini menyokong bahawa SP2 tidak bersetuju dengan harga RM3.5 juta yang ditawarkan oleh Tertuduh, tetapi tiada pilihan terpaksa akur dengan permintaan Tertuduh.

**[75]** Berdasarkan keterangan yang ada dan keadaan kes ini, setelah kami meneliti semua keterangan yang terkandung dalam Rekod Rayuan, kami mendapati bahawa dapatan YA hakim bicara ini disokong oleh keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Kami tidak menemui apa-apa alasan untuk tidak bersetuju dengan kesimpulan yang dibuat oleh oleh YA hakim bicara yang mewajarkan campur tangan rayuan (appellate intervention). Dengan yang demikian, pada pandangan kami, YA hakim bicara tidak khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa dalam hal keadaan kes ini, balasan sejumlah RM3.5 juta adalah tidak mencukupi.

**[76]** Tambahan pula, keterangan juga jelas menunjukkan bahawa balasan RM3.5 juta itu dalam hal keadaan kes ini perayu mengetahui tidak mencukupi. Berpandukan tindak-tanduk dan perbuatan perayu pada masa yang material yang telah kami huraikan di atas, satu inferens yang kuat dan munasabah berbangkit bahawa perayu sedar dan mengetahui hartanah yang beliau dan isterinya beli dengan harga RM3.5 juta itu adalah merupakan satu balasan yang tidak mencukupi.

*Alasan (iii): Sama Ada Perayu Sebagai Penjawat Awam Mempunyai Hubungan Rasmi Dengan SP2 Dan Sama Ada Perayu Mengetahui SP2 Mempunyai Hubungan Dengan Kerja-Kerja Rasmi Beliau*

**[77]** Mengenai alasan ini, peguam perayu berhujah bahawa YA hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa SP2 mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan rasmi perayu sebagai penjawat awam.

**[78]** Kami juga tidak dapat menerima hujah ini. Seperti yang telah kami sentuh di awal lagi, berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, perhubungan rasmi antara perayu dan SP2 bermula sejak tahun 2000 lagi berdasarkan kepada surat permohonan Syarikat Roniaga Sdn Bhd yang ditandatangani oleh SP2 sendiri bertarikh 18 Oktober 2000 (P12) kepada perayu dan pada surat ini tercatat minit perayu iaitu "permohonan ini disokong dan harap tiada halangan." Permohonan yang dimaksudkan adalah projek perumahan untuk memajukan Seksyen 3 Tambahan Bandar Baru Bangi Selangor. Roniaga adalah syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1997 (P91), di mana perayu adalah salah seorang pemegang sahamnya pada peringkat awalnya dan kemudian pada tarikh 27 Julai 2004, saham syarikat ini ditukar kepada 700,000 unit dan pemegang tunggal sahamnya adalah Syarikat Majulia Sdn Bhd (P93). Manakala Syarikat Majulia Sdn Bhd pula pemegang saham majoritinya adalah SP2 sendiri sejak 24 Mac 2003 iaitu sebanyak 2,100,000 unit. SP2 juga adalah pengarah di dalam Syarikat Majulia Sdn Bhd ini. Permohonan SP2 ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan PKNS di mana perayu adalah Pengerusinya dan telah diluluskan. Akhirnya perjanjian usaha sama berhubung projek ini telah dimeterai di antara PKNS dan Roniaga pada 9 Mei 2002. Projek ini pada awalnya melibatkan kawasan seluas 95.38 ekar di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi dan pulangan bagi PKNS adalah RM24,562,200.20 atau 20% daripada hasil jualan rumah teres dan pangsapuri yang mana lebih tinggi dan jumlah ini telah dikurangkan kepada keluasan 73.68 ekar dan pulangan bagi PKNS sahaja adalah RM21.4 juta atau 20% daripada hasil jualan yang mana lebih tinggi (P64). Seterusnya Syarikat Ditamas Sdn Bhd yang telah menjual hartanah dengan harga RM3.5 juta, iaitu satu harga balasan yang tidak mencukupi, kepada perayu dan isterinya, adalah

merupakan syarikat di mana SP2 mempunyai kepentingan kerana SP2 adalah salah seorang pengarah syarikat tersebut dan kesemua saham syarikat dimiliki oleh isteri SP2. Walaupun Ditamas Sdn Bhd adalah pemilik berdaftar hartanah tersebut, namun segala urusan pembelian dikendalikan oleh SP2 dan penjualan kepada perayu juga dikendalikan oleh SP2 sebagai seorang Pengarah Syarikat Ditamas Sdn Bhd. SP2 juga yang meluluskan resolusi syarikat (D57) berhubung penjualan hartanah yang berkenaan daripada Ditamas Sdn Bhd kepada perayu.

**[79]** Berhubung isu ini, YA hakim bicara dalam alasan penghakimannya telah membincangkan keterangan-keterangan yang berkaitan di ms. 643-645 Jilid 7 Rekod Rayuan dan membuat dapatan seperti berikut:

> Dengan keterangan di atas adalah dibuktikan bahawa SP2 melalui kepentingan beliau di dalam beberapa syarikat mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi Tertuduh sebagai penjawat awam.

**[80]** Kami bersetuju dengan penemuan fakta di atas yang dibuat oleh YA hakim bicara, yang pada hemat kami disokong oleh keterangan dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. Kami berpendapat YA hakim bicara telah menilai dengan secukupnya isu ini. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul dari segi fakta dan undang-undang dan tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami untuk mengganggu dapatan fakta ini.

*Alasan (iv): Adakah SP2 Seorang Rakan Sejenayah*

**[81]** Peguam perayu telah berhujah bahawa YA hakim bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal untuk mengambil kira dengan sepenuhnya kepada fakta jelas bahawa SP2 adalah merupakan seorang rakan sejenayah. Mengikut peguam, YA hakim bicara telah gagal untuk mengambil kira tiga pra-syarat bagi keterangan daripada rakan sejenayah, iaitu: keterangan daripada rakan sejenayah mestilah dengan sendirinya boleh dipercayai dan kredibel, perlunya sokongan daripada keterangan bebas lain untuk menyokong keterangan rakan sejenayah, dan keterangan bebas yang menyokong keterangan rakan sejenayah mestilah berkaitan dengan perkara material atau menyokong kepada keterangan-keterangan yang menjadi pertikaian di antara pihak pendakwaan dengan perayu.

**[82]** Peguam perayu juga telah berhujah bahawa YA hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal untuk mengambil kira fakta bahawa terdapatnya keraguan yang tinggi dan munasabah pada kredibiliti SP2. Peguam juga berhujah bahawa YA hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa perayu diberitahu oleh SP2 atau memiliki pengetahuan mengenai harga belian yang telah dibuat oleh SP2 kepada SP1 iaitu sebanyak RM6.5 juta. Peguam menambah YA hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa perayu memang berminat dari awal untuk membeli hartanah tersebut dan menyuruh SP2 untuk membeli hartanah tersebut di mana perayu akan membeli semula hartanah tersebut daripada SP2.

**[83]** Pada hemat kami, sama ada seseorang itu merupakan seorang rakan sejenayah adalah bergantung kepada keterangan dan keadaan sesuatu kes itu. Sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Kok Lian & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293:

> To be an accomplice the witness who received the bribe must be the one who was abetting the offence of giving it committed by the accused, the giver. Only then would the receiver be regarded as *particeps criminis*. This means that just as the giver as a principal offender requires *mens rea*, so does an accomplice witness who received the gratification. If he received gratification innocently or without any corrupt motive or if he did not received it at all, although it was given to him, as far as he is concerned the gift did not change its character to become an illegal gratification just because the giver (the accused) gave it with corrupt motive or with evil intention. Thus in every case when the issue is raised that a witness is an accomplice the court must study the evidence and make the necessary finding. There can be no rule of law or evidence that a witness is automatically an accomplice just because of his *actus reus*. The whole idea is completely contrary to the basic concept of criminal liability. (emphasis added).

**[84]** Dalam kes *Mohamed Taufik v. PP* [1974] 1 LNS 95; [1975] 1 MLJ 36, Abdul Hamid H (pada ketika itu) menyatakan sedemikian:

> In the instant case although the learned President had not made any finding whether Wong was an accomplice, I do not think it can be seriously argued that, in regard to the first charge, Wong was an accomplice. Faced with the appellant's demand for $1,000 and considering the fact that the appellant had not for a moment

> left Wong's company until Wong handed part of the amounts solicited, it is quite apparent that Wong had no alternative whatever but to raise the money asked for by the appellant and indeed he handed to the appellant every cent that he managed to raise. Wong had not played any active part in the transaction. He made no offer to bribe the appellant and evidently had no opportunity to report the matter to any one.

dan kemudiannya YA telah menambah:

> On the basis that the witness is not an accomplice, it is therefore my view, that the learned President's failure to warn himself of the danger of convicting on the uncorroborated evidence of an accomplice cannot be said to constitute a valid ground sufficient to quash the conviction.

**[85]** Keterangan dalam kes ini yang mana telah diterima oleh YA hakim bicara menunjukkan bahawa SP2 pada asalnya membeli rumah tersebut daripada SP1 dengan harga RM6.5 juta. Kemudian apabila perayu ingin membeli hartanah tersebut, SP2 tidak bersetuju dengan harga RM3.5 juta dan menawar harga RM5 - 5.5 juta. SP2 berada dalam keadaan serba-salah ketika perayu mencadangkan harga ini sehingga melantik Syarikat Jurunilai Trans Asia iaitu SP10 dengan bayaran RM9,000 untuk membuat penilaian terhadap hartanah tersebut, namun laporan penilaian ini tidak ditunjukkan kepada perayu kerana SP2 beranggapan tidak akan memberi sebarang makna. SP2 terpaksa bersetuju dengan harga perayu kerana menyedari syarikat beliau banyak berurusan dengan PKNS di mana perayu adalah Pengerusinya.

**[86]** Kami berpendapat bahawa dalam hal keadaan yang sedemikian, SP2 bukannya rakan sejenayah di dalam kes ini kerana beliau tiada pilihan melainkan mengambil tindakan menjual pada harga sedemikian kerana bimbangkan perniagaan beliau terjejas. Dalam keadaan ini, beliau bukanlah seorang "willing participant in the crime" sepertimana yang diputuskan dalam kes *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215. Dengan yang demikian pada pendapat kami, YA hakim bicara tidak khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau membuat dapatan berikut di ms. 646 Jilid 7 Rekod Rayuan:

> Saya dapati SP2 bukan accomplice/*particeps criminis*. Dari keterangan jelas beliau beranggapan akan dapat semula wang beliau RM6.5 juta berserta dengan RM1.5 juta sebahagian dari kos ubahsuai. (Rujuk muka surat 561 Nota Keterangan).

A Bila ubahsuai Tertuduh yang arahkan SP3, dia akan beli dari saya satu ketika nanti, saya presume RM1.5 juta akan dibayar semasa jual beli tersebut.

Oleh kerana Tertuduh mohon penjualan RM3.5 juta, saya tak setuju dan saya katakan (Counter propose) RM5 juta - RM5.5 juta, kerana ingin beri potongan harga sedikit dan mengambil kira harga tanah dan kos renovation saya. SP2 terpaksa bersetuju dengan harga RM3.5 juta tersebut setelah berunding dengan isteri beliau yang juga merupakan Pengarah Syarikat, memandangkan Syarikat mereka banyak berurusan dengan Tertuduh.

**[87]** Dalam penghakimannya, YA hakim bicara telah juga merujuk kepada kes-kes *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658 dan *Attan Abdul Gani v. PP* [1969] 1 LNS 12; [1970] 2 MLJ 143 dan YA hakim bicara juga telah menilai kredibiliti keterangan SP2 dan telah membuat dapatan seperti berikut:

Jika pun SP2 adalah seorang accomplice saya telah meneliti demeanour beliau semasa memberi keterangan di hadapan saya. Keterangan beliau cukup konsisten serta disokong pada fakta material oleh SP1, SP3 dan dokumentari Exhibit P12, P23A dan P15A. Saya dapati keterangan SP2 adalah "credible" serta selamat (safe) diterima.

**[88]** Kami juga ingin menyatakan di sini bahawa s. 44 Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR') terpakai di dalam kes ini kerana s. 165 Kanun adalah kesalahan yang tersenarai sebagai 'kesalahan ditetapkan' di bawah s. 2 APR. Dalam konteks kes ini, berdasarkan s. 44 APR, SP2 tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan ini atau tahu tentang perlakuan kesalahan ini (sila lihat *PP v. Dato' Hj Azman Mahalan* [2010] 6 CLJ 34 dan *Raman Mariappen v. PP* [2011] 1 CLJ 739).

**[89]** Tentang percanggahan keterangan SP2, YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya kepada isu ini dan menerima penjelasan yang diberikan oleh SP2. Inilah apa yang dikatakan oleh YA hakim bicara di ms. 648 Jilid 7 Rekod Rayuan:

Beberapa Pernyataan telah diberi oleh SP2 kepada SPRM dan ianya bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh SP2 di dalam mahkamah. Statements yang dikatakan telah diberi kepada SPRM tidak dikemukakan kepada mahkamah. Walau bagaimanapun SP2 telah diminta memberi penjelasan tentang percanggahan tersebut. Menurut SP2 semasa siasatan SPRM, Tertuduh memberi

keyakinan kepada SP2 bahawa Tertuduh akan uruskan dan tiada pertuduhan akan dikenakan. Apabila akhirnya beliau didakwa menyebabkan SP2 hilang keyakinan, apabila ditawarkan penarikan pertuduhan dengan syarat beliau perlu menjadi saksi pendakwaan beliau bersetuju dan memberi keterangan sebenar di mahkamah.

Penerangan yang diberi adalah 'reasonable explanations'. Pembelaan tidak membuat permohonan 'impeachment proceedings'. Saya tidak ada sebab untuk menolak keterangan SP2.

**[90]** Sama ada penjelasan ini wajar diterima adalah hak YA hakim bicara sebagai hakim yang membicarakan kes ini. Dalam keadaan kes ini, YA hakim bicara adalah berhak dan betul dalam menerima penjelasan SP2. Dalam hubungan ini, tiada prinsip undang-undang yang menyatakan bahawa keterangan seorang saksi harus dipercayai sama ada sepenuhnya atau tidak langsung. Mahkamah boleh menerima satu bahagian sahaja daripada keterangan seorang saksi dan menolak yang lain (rujuk: *PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No. 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15).

*Alasan (v): Kredibiliti SP3*

**[91]** Peguam perayu telah berhujah bahawa YA hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa SP3 dilantik oleh perayu sejak dari awal lagi untuk melakukan kerja-kerja pengubahsuaian hartanah tersebut, walhal D19 (kontrak bayaran antara perayu dan SP3) menunjukkan bahawa perayu berurusan dengan SP3 hanyalah selepas pembelian hartanah tersebut oleh perayu daripada SP2 lengkap iaitu pada 29 Mei 2007.

**[92]** Mengenai D19, keterangan SP3 menjelaskan bahawa D19 timbul kerana perayu ingin membeli rumah tersebut dan memerlukan "quotation". Perayu menyuruh SP3 membuat quotation D19 dengan harga sebanyak itu. SP3 menurut kemahuan perayu kerana pada masa itu perayu adalah seorang Menteri Besar. Keterangan SP3 bahawa beliau telah memulakan projek tersebut seperti diarahkan oleh perayu sejak bulan April 2006 lagi dan bukan dari tarikh pada D19 iaitu 5 Jun 2007 disokong oleh keterangan Noorizwandy bin Rajab (SP19) yang menyatakan bahawa beliau dilantik sebagai pengurus projek rumah tersebut oleh SP3 sejak bulan Mac 2006. SP19 bekerja dengan SP3 sehinggalah bulan April 2007. Keterangan SP19 ini nampaknya

tidak dicabar oleh pihak perayu. Bukti dokumen yang projek tersebut telah dimulakan sejak bulan Mac 2006 adalah pelan P16 (1)-(7) yang bertarikh April 2006. Ini adalah pelan yang dikemukakan oleh SP3 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam sebelum memulakan projek tersebut dan telah diluluskan. SP3 juga menjelaskan pada masa itu beliau keliru siapa pemilik rumah itu kerana yang berjumpa beliau adalah perayu tetapi nama pada pelan adalah Ditamas Sdn Bhd dan ditandatangani oleh SP2.

**[93]** Kami bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa dokumen D19 adalah sekadar formaliti untuk mengaburi dokumentasi perjanjian P25 dan tidak ada sebab mengapa keterangan SP3 berhubung D19 ini tidak diterima. Mengenai kredibiliti SP3, YA hakim bicara dalam alasan penghakimannya di ms. 642 Jilid 7 Rekod Rayuan telah membuat finding bahawa SP3 adalah seorang saksi yang kredibel dan tiada sebab untuk menolak keterangan saksi tersebut. Tidak ada sebab yang mewajarkan kami untuk mengganggu keputusan fakta YA hakim bicara.

*Alasan (vi): Sama Ada Pembelaan Perayu Telah Menimbulkan Keraguan Munasabah Terhadap Kes Pendakwaan*

**[94]** Peguam perayu telah berhujah bahawa YA hakim bicara gagal mengambil kira pembelaan perayu secara keseluruhan dan keterangan saksi-saksi pembelaan yang lain.

**[95]** Dalam pembelaan, perayu menafikan pada bila-bila masa bahawa beliau mengetahui SP2 pernah berurusan rasmi dengan beliau selaku Pengerusi PKNS. Menurut perayu, beliau hanya mengenali SP2 pada tahun 1997 di dalam satu majlis perasmian Stadium Kuala Selangor di mana Perdana Menteri memuji Syarikat Majulia milik SP2 dan pada waktu makan SP2 ada memberikan kad Syarikat Majulia kepada beliau. Walau bagaimanapun, perayu mengakui mengenali SP2 sebagai salah seorang kontraktor dan usahawan Selangor. Perayu menafikan SP2 pernah berjumpa dengan beliau di pejabatnya atau menyerahkan dengan tangan dokumen P12 dan P28A iaitu surat dari Syarikat Roniaga kepada beliau oleh SP2 sendiri. Menurut perayu beliau juga tidak mengetahui sama ada SP2 ada kaitan dengan Syarikat Roniaga atau tidak.

**[96]** Pada pandangan kami, penafian perayu ini sama sekali tidak berasas. Pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan adalah sesuatu yang tidak mungkin di dalam keadaan kes ini. Ini adalah kerana telah dibuktikan bahawa perayu telah menyokong permohonan-permohonan dari Syarikat Roniaga Sdn Bhd. Minit-minit yang dibuat oleh perayu tertera pada dokumen P12 dan P28A yang mana kedua-dua dokumen ini ditandatangani oleh SP2 sendiri pada tahun 2000 dan 2001. Sepertimana yang telah kami nyatakan di awal penghakiman ini, di dalam kertas kerja (P61) perayu telah mencatat ayat "Bersetuju dengan cadangan konsep Bandar Universiti di mana keluasan bergantung kepada yang diperlukan untuk merealisasikan cadangan ini." Di dalam kertas kerja ini ada tercatat nama-nama pengarah di dalam Syarikat Roniaga Sdn Bhd dan SP2 adalah salah seorang darinya.

**[97]** Perayu juga menafikan bahawa beliau mengetahui SP2 telah membeli hartanah tersebut dengan harga RM6.5 juta dari SP1. Memandangkan pada awal-awal lagi perayu telah menunjukkan minatnya terhadap hartanah tersebut dan lagi perayu juga yang telah melantik SP3 untuk menjalankan ubah suai rumah tersebut, pada pandangan kami adalah tidak munasabah perayu langsung tidak bertanya berapa harga belian SP2 semasa beliau memperolehi hartanah tersebut pada 29 Mei 2007.

**[98]** Perayu menafikan melantik SP3 pada Mac atau awal 2006 sebaliknya menyatakan SP3 hanya dilantik olehnya setelah perjanjian bertulis D19 dimeterai iaitu pada tarikh 6 Jun 2007. Penafian ini adalah penting bagi pembelaan perayu. Perkara ini kami telah ulas sebentar tadi. Oleh kerana isu ini penting bagi pembelaan perayu, kami ulangi lagi di sini bahawa pembelaan perayu ini bercanggah dengan keterangan SP3 yang dengan tegas menyatakan bahawa perayu telah mula mengarahnya dan membayar RM250,000 kepadanya sebagai pendahuluan untuk mula mengubah suai rumah tersebut kepada reka bentuk Bali sejak Mac 2006 lagi. Jika diteliti dokumen D19, pada pandangan kami ianya bukanlah satu dokumen untuk memulakan satu projek, sebaliknya ia adalah akujanji untuk SP3 menyiapkan projek berkenaan yang membawa maksud SP3 telah memulakan projek itu dari awal lagi. Sepertimana hujah Timbalan Pendakwa Raya, isi kandungan D19 tidak menafikan fakta bahawa perayu yang mula mengarah dan mendapatkan khidmat SP3 untuk ubah suai rumah itu sejak Mac 2006 lagi. Dalam hubungan ini, YA hakim bicara telah menerima keterangan SP3.

**[99]** Perayu menafikan bahawa harga RM3.5 juta adalah harga yang ditetapkannya mengikut kelayakan. Sebaliknya menurut perayu, ia adalah harga yang diperolehi berdasarkan kepada penilaian harga pasaran semasa dan telah dipersetujui oleh SP2. Perayu menegaskan bahawa angka RM3.5 juta itu adalah datang dari penilaian yang dibuat oleh pihak Bank HSBC melalui Rahim & Co. Mengenai isu tentang harga pembelian RM3.5 juta ini, YA hakim bicara dalam alasan penghakimannya di ms. 652-653 Jilid 7 Rekod Rayuan telah membuat dapatan yang berikut:

> Adalah jelas Tertuduh berminat terhadap hartanah tersebut dari mula lagi. Tertuduh yang mengupah SP3 untuk kerja-kerja ubahsuai hartanah tersebut dengan itu tidak timbul 'rumah tinggal rangka sahaja'.
>
> Dari keterangan SB1 bahawa beliau tidak setuju dengan harga jualan RM5 juta dan meminta pihak bank beliau melalui Jurunilai SB4 dari Tetuan Rahim & Co memberi harga pasaran; di mana kemudiannya memberi nilai pasaran RM3.5 juta.
>
> Sebaliknya dari keterangan SP2 beliau tidak setuju dengan harga yang diminta oleh Tertuduh iaitu RM3.5 juta dan telah meminta Jurunilai (SP10) dari Tetuan Trans Asia untuk memberi nilai pasaran iaitu RM5.5 juta.
>
> Dari keterangan yang bercanggah ini, tidak ada sebab dinyatakan kenapa SP2 yang membeli hartanah itu dengan harga RM6.5 juta ditambah pula dengan bayaran ubahsuai bersetuju menjualnya dengan harga RM3.5 juta. Hanya satu soalan balas terhadap SP2 mengenai perkara ini di muka surat 143 Nota Keterangan, iaitu 'to cut losses' di mana telah dinafikan oleh SP2; tetapi tiada keterangan SP2 menghadapi masalah kewangan ketika itu.

**[100]** Dalam alasan penghakimannya, YA hakim bicara juga telah mengulas keterangan saksi lain yang dipanggil oleh perayu. SB2 adalah pembantu peribadi perayu telah memberi keterangan yang bukan sahaja tidak menyokong perayu, malahan keterangannya menyokong kes pendakwaan terutama sekali berhubung perjumpaan SP2 dengan perayu di pejabat perayu yang disahkan oleh SB2 bahawa SP2 ada datang berjumpa perayu sekali atau dua kali sepanjang ingatan beliau sungguhpun fakta ini dinafikan oleh perayu. SB2 juga menyatakan berkemungkinan SP2 menyerah sendiri dokumen P12 dan P28A kepada perayu kerana tiada cop akuan terima padanya.

**[101]** Pihak pembelaan juga telah memanggil SB4 dan SB5 iaitu jurunilai-jurunilai untuk menunjukkan harga pasaran. Berhubung ini, YA hakim bicara menyatakan:

> Pembelaan juga memanggil SB3 dan S64 merupakan dua Jurunilai Hartanah yang berkenaan untuk menunjukkan harga pasaran. Saya telah memutuskan Tanda Aras (bench mark) bukan harga pasaran tetapi harga belian yang dibayar oleh SP2. Sebagai willing buyer willing seller. Saya juga memutuskan sebagai penemuan fakta, harga yang mahal ini diketahui oleh Tertuduh sendiri.
>
> Pembelaan 'harga pasaran' yang dikemukakan hanya akan menimbulkan keraguan yang munasabah JIKA Tertuduh tidak melawat hartanah tersebut dan tidak tahu harga yang diminta oleh SP1 - Manakala pengemukaan Ex. D19 pula bertentangan dengan keterangan SP3 sendiri dan juga keterangan SP2 (rujuk para 25 di atas). Tiada keterangan menunjukkan SP2 mengenali SP3 sebaliknya menurut SP3 beliau diperkenalkan kepada Tertuduh oleh Dato' Karim, iaitu Setiausaha Politik Tertuduh ketika itu. Sebagai penemuan fakta saya memutuskan bahawa SP3 dilantik oleh Tertuduh dari awal lagi untuk kerja-kerja ubahsuai hartanah yang menjadi hal perkara.

**[102]** Kemudiannya YA hakim bicara telah memutuskan seperti berikut:

> Setelah meneliti segala keterangan 'as a whole' di atas pertimbangan maksima (maximum evaluation) memutuskan bahawa pembelaan gagal sebarang keraguan munasabah ke atas kes Pendakwaan. Tertuduh didapati bersalah dan kesalahannya disabitkan seperti pertuduhan.

**[103]** YA hakim bicara telah menggunakan pendekatan yang tepat dan betul dalam menilai pembelaan perayu. Kami bersetuju dengan penemuan di atas yang dibuat oleh YA hakim bicara, yang pada hemat kami, disokong oleh fakta dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila menolak pembelaan perayu berdasarkan keterangan yang ada. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu dapatan fakta tersebut (sila lihat *Teng Howe Sing v. PP* [2008] 5 CLJ 186). Dalam hubungan ini, kami berpendapat bahawa YA hakim bicara tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang boleh dirayukan (appealable error) yang memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan ini.

**[104]** Sebagai rumusannya, berdasarkan semua alasan yang telah kami huraikan di atas dan setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan yang terkandung dalam Rekod Rayuan serta juga hujah kedua-dua belah pihak yang panjang lebar, kami mendapati bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati perayu bersalah dan mensabitkannya di atas pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu. Pada hemat kami, di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, sewajarnya perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang berkenaan. Menjadi keputusan kami bahawa sebarang keputusan yang lain adalah bertentangan dengan perimbangan keterangan yang ada di hadapan mahkamah ini. Cerita perayu dalam pembelaannya tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Pada keseluruhannya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu.

**[105]** Kami berpuas hati bahawa sabitan terhadap perayu adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan tentang sabitan ini ditolak. Kami mengekalkan sabitan terhadap perayu.

*Alasan (vii): Hukuman*

**[106]** Sekarang, kami beralih kepada isu tentang hukuman. Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu.

**[107]** Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman, melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah ataupun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah di dalam memakai prinsip yang

betul dalam penilaian hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139; [1982] 1 MLJ 83 dan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457; [2002] 3 MLJ 193.

**[108]** Dalam kes *Mohamed Jusoh Abdullah and Another v. PP* [1947] 1 LNS 66; [1947] MLJ 130, Willan CJ telah berkata:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Edition) volume 9, para 365:
>
> > The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

**[109]** Dalam hubungan ini, tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada semua pesalah dan perlindungan kepada masyarakat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256, Hashim Yeop Sani H (pada ketika itu) merumuskan prinsip-prinsip hukuman yang perlu diambil kira oleh mahkamah sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman seperti berikut di ms. 257 (MLJ):

> One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbeny J in *Rex v. Kenneth John Ball* 35 Cr App R 164 as follows:
>
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deters others

> who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only it may regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

**[110]** Persoalan utama di sini adalah sama ada hukuman penjara 12 bulan terhadap perayu yang dijatuhkan oleh YA hakim bicara tersebut adalah merupakan hukuman yang terlampau berat (manifestly excessive) dan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu di dalam kes ini.

**[111]** Pada hemat kami, kesalahan yang dilakukan oleh perayu merupakan satu kesalahan yang serius. Kedudukan perayu ketika itu sebagai Menteri Besar Negeri Selangor yang juga pada masa yang sama merupakan Pengerusi dan ahli lembaga pengarah PKNS seharusnya memberi contoh kepada orang ramai atau rakyat jelata. Bahawa perayu adalah seorang yang dihormati dalam masyarakat adalah satu faktor yang boleh memberatkan hukuman. Kami bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa tiada hal keadaan yang boleh meringankan (extenuating circumstances) sewaktu perayu melakukan kesalahan ini. Kedudukan perayu semasa melakukan kesalahan merupakan satu faktor pemberatan dalam menjatuhkan hukuman. Ini adalah kerana sebagai seorang pemegang jawatan tinggi dalam Kerajaan Negeri Selangor, perayu seharusnya menjadi teladan dan contoh kepada orang lain dan bukannya melakukan kesalahan jenayah pula sebaliknya. Seperti yang dinyatakan oleh Wan Yahya H dalam kes *New Tuck Shen v. PP* [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606:

> fines will not deter the rich and wealthy from committing corruption if they get the impression that the same riches that they use to penetrate the offence can buy them freedom out of courthouse.

**[112]** Dalam hubungan ini kami bersetuju dengan pandangan YA hakim bicara di ms. 658 Jilid 7 Rekod Rayuan seperti berikut:

> 'Deterrent' sentence adalah perlu untuk memberi mesej kepada penjawat awam bahawa mahkamah tidak bertolak ansur kesalahan seperti ini yang berbaur rasuah.
>
> Jelas dari fakta yang telah dibuktikan dari awal lagi Tertuduh berminat dan merancang untuk memiliki hartanah tersebut dan adalah jelas Tertuduh memegang jawatan tertinggi eksekutif negeri ketika itu telah menyalahgunakan kedudukan beliau.
>
> Dengan itu saya memutuskan hukuman penjara perlu dikenakan dan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang memegang jawatan eksekutif Tertinggi Kerajaan Negeri perlu diberi penekanan.

**[113]** Akhir sekali, kami ingin menyentuh tentang perintah YA hakim bicara yang telah memerintahkan hartanah yang berkenaan dilucuthak kepada kerajaan setakat mana hak perayu terhadapnya. Dalam hubungan ini, s. 36(1) APR memperuntukkan:

> (1) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah membuat perintah bagi pelucuthakan apa-apa harta yang dibuktikan menjadi hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu jika:
>
> (a) kesalahan itu telah dibuktikan terhadap tertuduh;
>
> (b) ...

**[114]** Peruntukan s. 36(1) ini perlu dibaca bersama dengan peruntukan s. 56 APR, setakat mana ianya berkaitan dengan kes ini, menyatakan bahawa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang yang berlawanan, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu kesalahan ditetapkan. Pada hemat kami, peruntukan s. 36(1) APR terpakai di dalam kes ini kerana s. 165 Kanun adalah kesalahan yang tersenarai sebagai 'kesalahan ditetapkan' di bawah s. 2 APR. Membaca semua peruntukan ini bersekali, kami berpendapat bahawa keputusan YA hakim bicara berkenaan perlucuthakan terhadap hartanah tersebut adalah betul dan sejajar dengan peruntukan APR.

**[115]** Kami juga tidak dapat menerima hujah peguam perayu bahawa YA hakim bicara telah gagal mengambil kira dan mengguna pakai perkara 13 dan perkara 8 Perlembagaan Persekutuan apabila membuat keputusan berkenaan perlucuthakan terhadap hartanah tersebut. Sepertimana yang kami nyatakan sebentar tadi, keputusan YA hakim bicara membuat keputusan berkenaan perlucuthakan terhadap hartanah tersebut adalah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang mantap mengenainya yang digubal oleh Parlimen. Dalam kes *Arumugam Pillai v. Government of Malaysia* [1975] 1 LNS 2; [1975] 2 MLJ 29, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> The result is that whenever a competent legislature enacts a law in the exercise of any of its legislative powers, destroying or otherwise depriving a man of his property, the latter is precluded from questioning its reasonableness by invoking Article 13(1), however arbitrary the law might be.

## Penutup

**[116]** Berdasarkan semua alasan di atas, rayuan perayu ditolak. Kami mengekalkan sabitan, hukuman serta perintah yang dikenakan oleh YA hakim bicara terhadap perayu.